

# 2021 LAPORAN TAHUNAN

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari

ALL PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA APPGM

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Bagi Matlamat Pembangunan Lestari

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| 02 | Kata Aluan |
| 08 | Bahagian 1 Ahli Parlimen & SDGs |
| 25 | Bahagian 2 Kemaskini Aktiviti |
| 53 | Bahagian 3 Gambar Aktiviti |
| 88 | Bahagian 4 Mesyuarat & Program |
| 93 | Bahagian 5 Sekretariat |
| 99 | Bahagian 6 Penyataan Akaun |

# KATA ALUAN



## YB Dato' Sri Mustapa Bin Mohamed

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)

Tahniah diucapkan kepada Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) di atas penerbitan Laporan Tahunan 2021 ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim dan YB Puan Maria Chin Abdullah selaku Pengerusi dan Timbalan Pengerusi APPGM-SDG, Ahli Jawatankuasa dan Sekretariat yang di ketuai oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria.

Saya amat gembira melihat perkembangan APPGM-SDG di mana, APPGM-SDG telah berjaya menjalankan dan memperluaskan gerak kerja mereka di 10 kawasan parlimen pada tahun 2020 kepada 20 kawasan parlimen baharu pada tahun 2021. Disamping itu, APPGM-SDG juga telah menjalankan sebanyak 87 projek dengan kerjasama rakan pelaksana tempatan di peringkat akar umbi pada tahun 2021.

Komitmen kerajaan Malaysia yang tidak berbelah bahagi untuk mencapai SDG digariskan di dalam Pelan Halatuju SDG Fasa 2 (2021 - 2025). Dokumen dasar penting ini akan diselaraskan dan disepadukan dengan keutamaan pembangunan Malaysia.

Kerajaan kekal teguh dalam matlamatnya untuk mencapai Agenda 2030. Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri sentiasa akan bekerjasama rapat dengan APPGM-SDG, serta Perikatan CSO-SDG Malaysia. Terima kasih juga kepada semua Ahli Parlimen, pemimpin CSO dan masyarakat di peringkat akar umbi. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan tahniah dan mendoakan yang terbaik buat APPGM-SDG dan semoga terus berjaya di dalam usaha murni mereka.

[1] https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2021-07/Malaysia_Voluntary_National_Review_%28VNR%29_2021.pdf



# YB Dato Sri Hajah Rohani Binti Abdul Karim

Pengerusi APPGM-SDG
Ahli Parlimen Batang Lupar

APPGM-SDG merupakan sebuah organisasi yang unik. Ia adalah kumpulan kerja dwi-partisan di bawah rangka kerja APPGM-SDG dengan tumpuan khusus terhadap Matlamat Pembangunan Lestari atau SDG. SDG yang merupakan Agenda global, sangat relevan di peringkat tempatan, nasional dan global.

Tahun 2021 merupakan tahun kedua kita beroperasi dengan penglibatan penuh ahli-ahli parlimen dan sokongan daripada para akademik dan CSO yang berterusan menjadi sebahagian daripada Sekretariat APPGM-SDG. Walaupun komposisi jawatankuasa APPGM-SDG dan ahli-ahli parlimen yang terlibat dengan gerak kerja APPGM-SDG adalah daripada parti politik yang berbeza, namun di dalam agenda penyetempatan APPGM-SDG, kita semua mempunyai objektif yang sama untuk menyelesaikan isu-isu tempatan dan berkerjasama di bawah prinsip dwi-partisan untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan di dalam Keluarga Malaysia.

Dalam menggunapakai SDG 10.3, pihak kami bersama-sama berusaha untuk memperkasakan dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua pihak. Ini merupakan satu agenda rentas di mana disaggregated data diperlukan untuk memastikan keterangkuman dapat dicapai tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi. Ini adalah asas utama kepada SDG.

Walaupun sebahagian besar aktiviti adalah di peringkat nasional dan tempatan, ahli APPGM-SDG juga berpeluang untuk mengambil bahagian di dua acara rasmi di peringkat global yang dianjurkan dalam kalangan ahli parlimen dan SDGs. Acara rangkaian global ini telah meningkatkan lagi keterlihatan APPGM-SDG di mata dunia. Pertamanya adalah melalui acara sampingan di High-Level Political Forum (HLPF) 2021 yang dianjurkan secara atas talian oleh Kerajaan Denmark pada 12 Julai 2021. Panel diskusi ini telah menekankan peranan parlimen di Argentina, Denmark dan Malaysia dan bagaiman kita dapat memastikan kerjasama yang meluas dalam mencapai SDG. Kedua, kemunculan ahli apabila APPG daripada Denmark menganjurkan Forum Pengerusi SDG pada 11 November 2021.

Izinkan saya untuk mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada YB Dato' Sri Mustapa Mohamed (Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), dan Datuk Seri Saiful Anuar Lebai Hussein (Ketua Pengarah EPU) di atas kerjasama kukuh di dalam usaha penyetempatan SDG. Sekalung penghargaan juga diberikan kepada YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz (Menteri Kewangan Malaysia) di atas kelulusan peruntukan untuk gerak kerja APPGM-SDG di peringkat akar umbi.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Sekretariat APPGM-SDG yang diketuai oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria dan seluruh pasukan beliau di atas kerja keras mereka di dalam penyelarasan semua program dan gerak kerja serta di dalam penyediaan laporan ini.



# YB Puan Maria Chin Binti Abdullah

Timbalan Pengerusi APPGM-SDG
Ahli Parlimen Petaling Jaya

Tahniah kepada semua Ahli Parlimen, Sekretariat APPGM-SDG dan semua yang telah mengambil bahagian dan menyokong inisiatif pihak Parlimen Malaysia untuk menyetempatkan SDG di peringkat akar umbi. Saya berbangga menjadi sebahagian daripada laporan tahunan kedua APPGM-SDG yang memberikan gambaran menyeluruh tentang aktiviti dan usaha inovatif yang dijalankan. Inisiatif APPGM-SDG telah diperluaskan dengan penglibatan 20 ahli parlimen tambahan baharu pada tahun 2021.

Salah satu sorotan utama tahun 2021 adalah Laporan Sukarela Kebangsaan (VNR) Malaysia yang melibatkan banyak perbincangan webinar di mana kita telah membincangkan berkenaan perancangan masa hadapan dalam menangani kegusaran berkaitan dengan dasar awam. APPGM-SDG sentiasa mengambil pendekatan Dari Bawah-Atas di dalam merangka pendekatan yang lebih holistik untuk menangani kebimbangan ekonomi, sosial dan alam sekitar berteraskan keamanan, keadilan dan hak asasi manusia.

Semasa Webinar ini, saya telah membangkitkan beberapa kebimbangan dan cadangan yang saya ingin ulangi di sini terutamanya di dalam konteks HLPF dan Laporan VNR 2021.

Disebabkan oleh Pandemik Covid-19, lebih banyak yang perlu dilakukan di dalam menangani kemiskinan dan ketidaksamaan, terutamanya keperluan untuk mengkaji semula Garis Pendapatan Kemiskinan untuk isi rumah dan penambahbaikam penunjuk kemiskinan pelbagai dimensi bagi mendapatkan data yang tepat berkenaan kekurangan taraf hidup asas dan harian. Terdapat juga keperluan untuk memperkenalkan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif yang merangkumi dan melindungi mereka yang paling terdedah supaya mereka lebih bersedia untuk menghadapi sebarang wabak dan situasi buruk di masa hadapan. Ini termasuklah mewujudkan ekosistem politik, sosial dan kelestarian yang kondusif buat semua.

Tumpuan juga perlu diberikan di dalam aspek berkenaan isu kemasukan pendatang, pelarian dan pekerja tanpa izin yang berada di Malaysia. Akses mereka kepada keadilan dan hak untuk menyara hidup masih menjadi isu yang membimbangkan. Mekanisma yang berkesan dan berorientasikan rakyat amat diperlukan untuk mengurus cabaran seperti ini kerana ianya akan mempengaruhi strategi peumulihan ekonomi kita.

Kita juga memerlukan masa untuk membina daya tahan dan menggunakan pendekatan pelbagai dimensi kepada struktur tadbir urus kita. 17 SDG adalah saling berkaitan. Saya amat bimbang dengan pelaksanaannya jika tadbir urus adalah lemah, ianya tidak akan membawa keadilan, keterangkuman dan keamanan kepada sesebuah negara. Undang-undang dan ketenteraman yang stabil dengan semak dan imbang yang kukuh di semua peringkat akan membantu menghapuskan semua bentuk keganasan, menangani rasuah dan salah guna kuasa serta menamatkan semua undang-undang yang menindas.

Kita memerlukan komitmen politik yang tinggi untuk melaksanakan pembaharuan segera di tiga tonggak demokrasi. Ini sememangnya menuntut kepada institusi yang lebih kukuh dengan penyertaan bawah-atas dan penyertaan aktif semua pihak di peringkat akar umbi, ahli akademik, ahli politik dan aktivitis organisasi masyarakat sivil. Pemerkasaan melalui penyertaan rakyat di semua peringkat membuat keputusan akan mengangkat martabat dan kepercayaan rakyat dengan lebih tinggi. Saya sentiasa menekankan integriti dan amanah perlu dipertahankan sepenuhnya oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Walaupun adanya Suruhanjaya Kelakuan Bebas Polis (IPCC), jika ia tidak mempunyai komitmen untuk melaksanakan tugasnya untuk menamatkan rasuah, kematian dalam tahanan dan penyalahgunaan kuasa di dalam pasukan polis, maka, ianya tidak akan memberi hasil yang baik terutamanya di dalam pematuhan SDG 16.

Saya yakin bahawa Ahli Parlimen APPGM-SDG dan Sekretariat pada tahun yang mendatang akan terus memberikan komitmen yang jitu dan mendepankan kebimbangan dasar awam makro bagi mencari penyeleasaian jangka masa panjang pada tahun yang akan datang.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen yang mengambil bahagian serta ahli Sekretariat dan Resource Persons di atas pencapaian yang luar biasa dan prestasi cemerlang pada tahun 2021.

# Tan Sri Azhar Bin Azizan Harun

YDP Speaker Dewan Rakyat



Saya berbesar hati untuk menulis sepatah dua kata untuk Laporan Tahunan 2021 APPGM-SDG.

Pada masa ini, terdapat lima APPGM kesemuanya. Sebagai tambahan kepada APPGM-SDG, APPGM yang lain memberi tumpuan kepada:

- Dasar Pelarian Di Malaysia
- Penjara & Pusat Tahanan
- Kemiskinan Bandar & Komuniti B40
- Pembiayaan Politik

APPGM membolehkan ahli parlimen merentasi jurang politik untuk bekerjsama di dalam bidang kepentingan bersama sekaligus menggabungkan ahli akademik, kumpulan masyarakat sivil dan sektor swasta untuk mengetengahkan Pendekatan Seluruh Negara. Pendekatan ini juga memudahkan interaksi yang lebih erat antara ahli parlimen dan orang ramai.

APPGM-SDG telah mencapai kemajuan yang signifikan di dalam penglibatannya dengan ahli-ahli parlimen. Pada tahun pertama (2020), ia melibatkan 10 ahli parlimen, dan pada tahun 2021, penambahan penglibatan seramai 20 ahli parlimen lagi. Penglibatan ahli parlimen di peringkat kawasan parlimen dalam mengenalpasti isu-isu tempatan dan menjalankan Projek Solusi di peringkat akar umbi banyak membantu meningkatkan kehidupan rakyat. Selain itu, bukan sahaja APPGM-SDG telah menjadi satu platform penglibatan yang cukup baik antara ahli parlimen dan orang biasa, tetapi meliputi individu serta kumpulan-kumpulan di dalam perihal yang melibatkan hal kepentingan negara.

Saya diberikan taklimat oleh Sekretariat APPGM-SDG pada setiap bulan melalui laporan kemaskini mengenai aktiviti dan penyata kewangan mereka yang sememangnya menunjukkan pengerakan aktif kumpulan ini dari semasa ke semasa.

Model APPGM-SDG telah mewujudkan ruang untuk tindakan dwi-partisan terhadap kebimbangan di peringkat nasional dan tempatan. Kebimbangan ini termasuklah di dalam aspek pembangunan tempatan, perubahan iklim dan meningkatkan demokrasi di peringkat akar umbi melalui 17 SDG.

Sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat, saya menggalakkan lebih banyak perbincangan dasar diadakan, bagi mengukuhkan pandangan parlimen mengenai hal-hal berkait pembangunan negara, terutamanya perkara yang berkaitan dengan kemiskinan dan ketidaksamaan, diskriminasi dan kesaksamaan jantina, kebimbangan keamanan dan keadilan serta agenda kelestarian secara menyeluruh.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Pengerusi APPGM-SDG, Timbalan Pengerusi serta Ketua Sekretariat APPGM-SDG di atas usaha gigih dalam memastikan semua aktiviti APPGM-SDG adalah berjalan lancar. Saya menggalakkan semua ahli parlimen untuk terus menyokong inisiatif ini.



# Ms Karima El Korri

Penyelaras UN di Malaysia, Brunei Darussalam and Singapore

Satu penghormatan besar untuk saya memberikan sepatah dua kata di dalam Laporan Tahunan 2021 APPGM-SDG ini.

Bagi pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Malaysia, saya mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli APPGM-SDG di atas satu perjalanan yang mengagumkan dalam mengukuhkan pemilikan rakyat dan masyarakat serta agensi kerajaan untuk mendepankan pelaksanaan SDG. Saya juga memuji YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim sebagai Pengerusi dan YB Puan Maria Chin Abdullah sebagai Timbalan Pengerusi di atas kepimpinan mereka, dan Perikatan CSO SDG Malaysia di atas komitmen dan sokongan kuat mereka selaku Sekretariat dan dan rangkaian yang mampu menyediakan asas pengetahuan dan kepakaran.

Tujuh tahun telah berlalu dan dengan halangan yang penuh mencabar, dunia kini berada di luar landasan untuk mencapai SDG menjelang 2030 dan mobilisasi global untuk mendapatkan masa depan yang inklusif, adil dan lestari masih tidak mencukupi. Berikutan Pandemik Covid-19 beberapa tahun yang lepas dan krisis kos sara hidup yang sedang berlaku, Agenda 2030 telah mencapai saat yang genting dan tidak boleh ditangguhkan lagi pelaksanaan dan pencapaiannya.

Kita perlu bertindak sekarang. Membina kembali dengan lebih baik bermakna menyampaikan pembangunan sosial yang inklusif yang dapat menyediakan peluang untuk semua dan tidak meninggalkan sesiapa di belakang; alam sekitar yang lestari, melindungi orang ramai daripada kesan perubahan iklim dan membendung kemerosotan sumber asli.

Memajukan SDG adalah bermaksud menggerakkan semua orang walau d imana mereka berada dan tindakan di peringkat tempatan dan akar umbi adalah tonggak utama bagi kemajuan. Inisiatif APPGM-SDG telah berjaya meningkatkan kesedaran dan pemilikan, memupuk kerjasama, membendung halangan politik, memajukan penyelesaian inovatif dan memanfaatkan sumber, termasuk melalui semangat kesukarelawan dan penyertaan penuh komuniti. Dengan memanfaatkan fungsi ahli parlimen di kawasan parlimen dan komuniti tempatan, mereka telah menyumbang untuk mengenalpasti keperluan dan jurang serta penyelesaian yang sesuai untuk menanganinya.

Hasil usaha APPGM-SDGmelalui program  di lapangan memberi kesan jangka panjang kepada individu dan komuniti. Ini memberi gambaran bahawa modus operandi APPGM-SDG adalah berkesan. Pendekatan seluruh masyarakat dan sokongan daripada kerajaan terutamanya dari aspek kewangan menjadi tonggak yang terus menggerakkan usaha yang diambil dan memacukan potensi dalam menggunapakai metodologi yang sama di seluruh Malaysia dan lain-lain.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia terus memperbaharui komitmennya untuk sama-sama menggembleng tenaga di atas usaha yang telah dibuat dan hasil yang dituai bersama dan memperdalamkan penglibatan serta kerjasama dengan *SDG Champions* di seluruh Malaysia. Tidak dinafikan bahawa APPGM-SDG merupakan salah satu rakan kerjasama utama dan gerak kerja serta kejayaan yang dikongsikan di dalam laporan ini adalah bukti yang jelas terhadap keberkesanan dan kelestariannya.



# Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria

Ketua Sekretariat, APPGM-SDG

Laporan Tahunan 2021 merupakan laporan kedua yang dikeluarkan oleh APPGM-SDG yang mendokumentasikan semua aktiviti APPGM-SDG di antara bulan Januari - Disember 2021. Pasukan Sekretariat telah menyediakan laporan menyeluruh semua aktiviti yang dijalankan sepanjang tempoh ini. Penulisan gambaran penuh aktiviti memberikan pengenalan kepada laporan dan menjadi sebahagian besar kandungan laporan ini.

APPGM-SDG telah menjadikan satu dasar untuk mengedarkan laporan tahunan di Parlimen kepada ahli-ahli parlimen, dengan kebenaran penuh daripada YDP Speaker. Hal ini dilakukan semasa terbitan laporan tahunan pertama iaitu laporan tahunan APPGM-SDG 2020 yang boleh didapati di laman web parlimen.[2]

Kerjasama dan perkongsian dengan ahli-ahli parlimen adalah satu peluang unik untuk menghubungkaitkan isu masyarakat di peringkat akar umbi dengan proses pembuatan dasar di peringkat nasional. Metodologi pihak APPGM-SDG yang mengamalkan Pendekatan dari Bawah ke Atas, termasuklah mengadakan lawatan tapak selama tiga hari, berinteraksi serta berdialog bersama dengan penduduk tempatan dalam mengenalpasti isu-isu dan kebimbangan yang dihadapi oleh mereka di peringkat akar umbi.

Sepanjang dua tahun yang lalu, semasa kami bekerja di peringkat akar umbi, pihak kami mendapat pelbagai maklumbalas daripada masyarakat setempat berkenaan isu-isu dan kebimbangan tempatan yang tidak dapat diselesaikan dari dahulu sehingga kini. Sekurang-kurangnya, terdapat 10 - 15 isu setempat yang berkait rapat dengan aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar yang juga pada masa yang masa mempunyai kaitan yang jelas dengan tadbir urus dan hak asasi manusia.

Di dalam tema “Tiada Sesiapa Ketinggalan”, model APPGM-SDG telah menyediakan kepada ahli-ahli parlimen satu pendekatan secara langsung dalam menyelesaikan kebimbangan masyarakat di peringkat tempatan. Pendekatan desentralisasi ini amat diperlukan dalam menggerakkan agenda SDG.
Bagi pihak Sekretariat APPGM-SDG, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan, semua ahli parlimen, para akademik, CSO dan rakan pelaksana Projek Solusi APPGM-SDG serta termasuklah pegawai-pegawai ahli parlimen.

Ucapan terima kasih juga khas diberikan kepada Jawatankuasa APPGM-SDG, terutamanya Pengerusi dan Timbalan Pengerusi APPGM-SDG di atas jasa dan komitmen di dalam gerak kerja APPGM-SDG selama ini.

Saya juga terhutang budi kepada pegawai-pegawai utama APPGM-SDG iaitu, Puan Nur Rahmah Othman, En. Anthony Tan, En. James Raj, Cik. Zoel Ng dan Dr. Teo Sue Ann dan ahli-ahli utama Pakatan CSO-SDG Malaysia iaitu Dr. Lin Mui Kiang, En. Alizan Mahadi, Prof. Dato’ Dr. Rashila Ramli, Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Sanusi, Pn. Omna Sreeni Ong, Ms. Lavanya Rama Iyer dan En. Kon Onn Sein di atas nasihat dan input berharga yang telah anda berikan di dalam menjayakan mandat gerak kerja APPGM-SDG.

[2] https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/APPGM-SDG%20ANNUAL %20REPORT%202020.pdf

# BAHAGIAN 1

## AHLI PARLIMEN & SDG

2021

# JAWATANKUASA APPGM-SDG



**YB Dato Sri Hajah Rohani Binti Abdul Karim**

Pengerusi

P201 | AP Batang Lupar

**PBB**



**YB Puan Maria Chin Binti Abdullah**

Timbalan Pengerusi

P105 |AP Petaling Jaya

**PKR**



**YB Tuan William Leong Jee Keen**

Setiausaha

P097 | AP Selayang

**PKR**



**YB Dr. Kelvin Yii Lee Wuen**

Bendahari

P195 | AP Bandar Kuching

**DAP**



**YB Tuan Wong Tack**

Ahli

P089 | AP Bentong

**DAP**



**YB Tuan Haji Ahmad Bin Hassan**

Ahli

P175 |AP Papar

**WARISAN**



**YB Tuan Ahmad Fadhli Bin Shaari**

Ahli

P022 | AP Pasir Mas

**PAS**



**YB Senator Datuk Paul Igai**

Ahli

Sarawak

**PDP**



# APPGM-SDG

## Kawasan Parlimen 2021



**YB Dato' Wira Haji Amiruddin Bin Haji Hamzah**

P006 | Kubang Pasu, Kedah

**PEJUANG**



**YB Tuan Ahmad Tarmizi Bin Sulaiman**

P013 | Sik, Kedah

**PAS**



**YB Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Bin Abdul Rahim**

P016 | Baling, Kedah

**UMNO**



**YB Puan Kasthuriraani A/P Patto**

P046 | Batu Kawan, Pulau Pinang

**DAP**



**YB Puan Nurul Izzah Binti Anwar**

P044 | Permatang Pauh, Pulau Pinang

**PKR**



**YB Tuan M. Kulasegaran A/L V. Murugeson**

P065 | Ipoh Barat, Perak

**DAP**



**YB Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Bin Ahmad**

P096 | Kuala Selangor, Selangor

**AMANAH**



**YB Tuan Ahmad Fahmi Bin Mohamed Fadzil**

P121 | Lembah Pantai, W.P KL

**PKR**



**YB Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir**

P088 | Temerloh, Pahang

**AMANAH**



**YB Datuk Seri Saifuddin Bin Abdullah**

P082 | Indera Mahkota, Pahang

**BERSATU**



**YB Tuan Syed Saddiq Bin Syed Abdul Rahman**

P146 | Muar, Johor

**MUDA**



**YB Dr. Maszlee Bin Malik**

P151 | Simpang Renggam, Johor

**PKR**



**YB Dato' Haji Che Abdullah Bin Mat Nawi**

P019 | Tumpat, Kelantan

**PAS**



**YB Tuan Ahmad Fadhli Bin Shaari**

P022 | Pasir Mas, Kelantan

**PAS**



**YB Puan Isnaraissah Munirah Bt Majilis**

P169 | Kota Belud, Sabah

**WARISAN**



**YB Datuk Zakaria Bin Mohd. Edris**

P184 | Libaran, Sabah

**BERSATU**



**YB Datuk Christina Liew Chin Jin**

P190 | Tawau, Sabah

**PKR**



**YB Tuan Baru Bian**

P214 | Selangau, Sarawak

**PSB**



**YB Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong**

P216 | Hulu Rajang, Sarawak

**PRS**



**YB Dato Sri Hajah Rohani Binti Abdul Karim**

P201 | Batang Lupar, Sarawak

**PBB**

# APPGM-SDG 2020



# 30 KAWASAN PARLIMEN & 2021



# KATA-KATA RINGKAS DARIPADA AHLI PARLIMEN

*"...Penglokalisasian Sustainable Development goals benar-benar telah menterjemahkan konsep leave no one behind kerana membantu pusat khidmat rakyat Parlimen Kubang Pasu dalam membuat pemetaan isu-isu lokal dan mencadangkan solusi kepada setiap isu berbangkit yang mensasarkan golongan B40 untuk keluar daripada kempompong kemiskinan dan meningkatkan kualiti kehidupan mereka..."*



**YB Dato' Wira Haji Amiruddin Bin Haji Hamzah**

P006 | Kubang Pasu, Kedah

*"..Programme SDG telah memberikan impak yang sangat besar kepada masyarakat pedalaman di kawasan parlimen Hulu Rajang, rakyat begitu teruja dengan aktiviti masakan dan membaiki telefon bimbit yang pertama kali dijalankan dan memberi kesan yang sangat mendalam kepada setiap peserta, saya berharap programme ini akan diteruskan dan diperluaskan ke seluruh negara..." Terima Kasih APPGM-SDG!!!*



**YB Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong**

P216 | Hulu Rajang, Sarawak

*“Saya menyokong usaha dan peranan untuk membawa perubahan kepada pembangunan sosial terutama di kawasan luar bandar. Hal ini dapat membantu memperkasa matlamat pembangunan mampan (SDG) yang lebih komprehensif di setiap peringkat.”*



**YB Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Bin Abdul Rahim**

P016 | Baling, Kedah

*“...Penubuhan APPGM-SDG adalah tepat dan merupakan platform terbaik untuk MP mengajukan segala masalah yang dialami oleh rakyat Daerah Papar seperti petani, penoreh getah dan nelayan pantai dapat di serahkan untuk pengetahuan kerajaan supaya solusi dan dana segera dapat disediakan..."*

*P175 PAPAR BOLEH APPGM-SDG JUGA BOLEH...”*



**YB Tuan Haji Ahmad Bin Hassan**

P175 | Papar, Sabah

*Usaha-usaha untuk membumikan SDG melibatkan warga Permatang Pauh secara langsung dalam projek yang amat hampir dengan mereka. Untuk memastikan perubahan yang benar-benar lestari, pemberdayaan akar umbi dan pelaksanaan inisiatif yang mengambil kira keunikan karakter dan cabaran yang dihadapi penduduk sesebuah kawasan haruslah dinormalisasi.*



**YB Puan Nurul Izzah Binti Anwar**

P044 | Permatang Pauh, Pulau Pinang

*"Penglokalisasian SDG telah mendedahkan dan membuka potensi baharu kepada penggiat industri mikro, kecil, sederhana terutamanya di kawasan pedalaman di Pendang, dengan bimbingan dan dorongan khusus berkenaan perniagaan akhirnya membuka lebih banyak peluang kepada penduduk setempat"*



**YB Datuk Haji Awang Bin Hashim**

P011 | Pendang, Kedah

*"...Lokasi-lokasi terpilih dalam parlimen Tumpat yang meliputi kawasan kepulauan (projek sabut kelapa cocopeat), pesisir pantai geting (kiosk produk ikonik Tumpat) dan pinggir bandar (agroternak) sangat menepati objektif projek-projek yang dijalankan oleh SDG bagi menaiktaraf kehidupan sebahagian penduduk Tumpat, khususnya penduduk luar bandar.*
*Manakala penglibatan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sebagai pembimbing usahawan online dalam pemasaran digital dan pengurusan kewangan akan melahirkan usahawan yang lebih berdaya saing..."*
*Terima kasih SDG !*



**YB Dato' Haji Che Abdullah Bin Mat Nawi**
P019 | Tumpat, Kelantan

*"...Saya sangat gembira dengan pelbagai projek yang diperkenalkan ke parlimen saya, sesungguhnya kesemua projek tersebut mencapai tujuan yang diperlukan seperti mengurangkan kemiskinan dan membantu orang tempatan meningkatkan pendapatan secara ekonomi. Sebagai contoh projek fertigasi Chili di Long Beyak, peserta (projek) dengan baiknya memperolehi RM 2500 sebulan. Penglibatan projek ini melibatkan 600 pohon cili fertigasi yang dapat dituai dengan anggaran RM 30 000 setiap sesi. Ini lah cerita kejayaan yang mesti dikongsi. Saya berterima kasih kepada pihak APPGM-SDG atas kesudian untuk merealisasi kan projek ini...."*



**YB Tuan Baru Bian**
P214 | Selangau, Sarawak

*"...Sungguh dan bermakna ia perubahan hanya boleh dilakukan melalui hala tuju manusia..."Pihak APPGM-SDG telah menyediakan alat dan ilmu pengetahuan yang sangat effektif untuk merubah melalu kolaborasi yang ditunjukan.*

*Walaupun beberapa inisiatif tidak bergerak seperti jangkaan, pengajaran penting akan diambil melalui proses yang dijalankan. Mari maju dengan keazaman yang lebih besar!*



**YB Tuan Wong Tack**
P089 | Bentong, Pahang

*"...Saya percaya bahawa penglokasian matlamat pembangunan mampan (SDG) adalah satu memperkasaan ekonomi yang menjamin kebajikan setiap keluarga, memastikan akses pembelajaran bagi generasi yang bakal menjadi pemangkin kemajuan negara, dan juga membuka ruang kerjasama antara agensi bagi memastikan masalah tempatan dapat diselesaikan secara kolektif dan efektif...."*



**YB Puan Maria Chin Binti Abdullah**
P105 | Petaling Jaya, Selangor

*"...Programme-programme SDG yang telah dilaksanakan amat memberi kesan besar kepada penduduk luar bandar khususnya golongan B40 yang sentiasa mengharapkan panduan serta bimbingan untuk berjaya dalam pelbagai bidang dan berdaya saing.*

*Justeru programme-programme SDG ini perlu diteruskan dalam erti kata lain menekankan keutamaan pada "Strategic Continous Engagement dan Community Empowerment...Terima kasih APPGM-SDG..."*



**YB Dato' Sri Hajah Nancy Binti Shukri**
P200 | Batang Sadong, Sarawak

*"...Ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan Kepada APPGM-SDG yang telah memilih kawasan Parlimen Batu Kawan untuk usaha-usaha dan inisiatif mendidik masyarakat Batu Kawan dan membuka persepsi dan pandangan betapa penting kita menghormati Alam sekitar, memastikan kemaslahatan ekonomi & hak-hak rakyat ditegakkan. Usaha ni untuk pastikan malaysia menjurus kepada* ***LEAVING NO ONE BEHIND***

*Programme APPGM-SDG sangat berjaya. Rakyat di kawasan batu kawan hari ini celik dan sedar mengenai kepentingan SDG bahawa Malaysia telah memberi komitmen untuk mencapai status negara memenuhi kesemua SDG sebelum tahun 2030..."*



**YB Puan Kasthuriraani A/P Patto**
P046 | Batu Kawan, Pulau Pinang

*"...Sangat bertuah dengan lawatan tapak pihak APPGM-SDG ke parlimen saya di Ipoh Barat untuk kaji selidik dan kenal pasti apa keperluan golongan miskin bandar, yang mana ia bertepatan dengan Matlamat Pembangunan Lestari iaitu pembasmian kemiskinan. Kaji selidik dan pertemuan yang diadakan telah menyentuh beberapa rekod data yang direkod khususnya sosialekonomi kehidupan miskin seperti pemilikan tanah perumahan, pendapatan dan kesihatan. Ia membuka jalan dialog yang bermakna dengan denga pihak berkuasa.."*



**YB Tuan M. Kulasegaran A/L V. Murugeson**

P065 | Ipoh Barat, Perak

*Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak SDG yang telah menjalankan programme-programme bengkel pemetaan perniagaan Google Maps, Eko-terapi & kuasai bisnes di shopee di kawasan Parlimen Kuala Selangor. programme-programme ini telah membawa manfaat kepada para belia & surirumah terutamanya di kawasan perkampungan. Harapan saya lebih banyak programme-programme seperti ini dapat dianjurakan pada masa akan datang.*



**YB Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Bin Ahmad**

P096 | Kuala Selangor, Selangor

*Inisiatif untuk menyetempatkan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) membawa manfaat kepada para pengundi di kawasan Parlimen Tawau. Penyertaan dalam projek APPGM-SDG menjadikan penduduk tempatan lebih memahami konsep kelestarian dalam kehidupan mereka. Sebagai contoh programme Komuniti Bersih dan Sihat adalah berkaitan Matlamat 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan Baik) manakala Pusat Latihan Komuniti Pau memenuhi Matlamat 8 (Kerja Baik dan Pertumbuhan Ekonomi).*



**YB Datuk Christina Liew Chin Jin**
P190 | Tawau, Sabah

*"...Penglokalisasian SDG yang digerakkan oleh APPGM-SDG melalui programme di akar umbi terutamanya di Parlimen Batang Lupar, Sarawak merupakan satu pendekatan yang sangat bermanfaat. Masyarakat luar bandar lebih peka dan celik SDG selaras dengan usaha mencapai agenda Pembangunan Lestari menjelang 2030. Agenda perubahan ini adalah amat penting dalam memastikan kepentingan semua lapisan masyarakat dijaga dan pembangunan yang lebih menyeluruh..."*



**YB Dato Sri Hajah Rohani Binti Abdul Karim**
P201 | Batang Lupar, Sarawak

*"....Programme SDG telah memberikan impak yang memberangsangkan kepada ibu tunggal dan remaja B40 dikawasan Parlimen Selayang. Aktiviti membuat kek dan roti bagi ibu tunggal serta kelas bimbingan bagi remaja keciciran persekolahan telah berjaya. Dengan pembukaan cafe dari golongan ibu tunggal (Bites n'Beans Cafe). Kelas bimbingan telah berjaya membawa remaja memperolehi pekerjaan serta beberapa pelajar telah pun menyambung semula ke sekolah teknikal. Saya berharap programme ini dapat di sebarkan keseluruh kawasan agar masyarakat dapat meningkatkan daya saing yang positif...terima kasih kepada APPGM-SDG...."*



**YB Tuan William Leong Jee Keen**
P097 | Selayang, Selangor

*"SDG perlu diterjemahkan dalam bentuk programme-programme peringkat tempatan. Di Indera Mahkota, antara programme yang amat bermanfaat ialah menyediakan peluang pekerjaan di sebuah spa kereta untuk bekas banduan dan bekas penagih."*



**YB Datuk Seri Saifuddin Bin Abdullah**
P082 | Indera Mahkota, Pahang

*"..Penglokalisasian SDG amat penting. Ia menekankan komitmen terhadap keterangkuman. Pendekatan lama "bersifat generalisasi" tidak lagi relevan pada zaman ini, kerana kita mesti menggunakan penyelesaian tempatan untuk masalah tempatan.*



**YB Dato' Sri Mustapa Bin Mohamed**
P030|Jeli, Kelantan

*"...Dalam kita melaksanakan matlamat pembangunan mampan, marilah kita juga berusaha untuk memastikan bahawa setiap rakyat keluarga malaysia mempunyai peluang yang sama untuk menikmati kemakmuran dan kekayaan negara..."*



**YB Datuk Arthur Joseph Kurup**
P182 | Pensiangan, Sabah

*"...Kesejahteraan komuniti nadi penggerak yang menatijahkan kemakmuran dalam negara, sudah pasti penglokasian matlamat pembangunan lestari penyumbang kestabilan tersebut.  Syabas APPGM-SDG dalam usaha ini!!..."*



**YB Tuan Ahmad Tarmizi Bin Sulaiman**
P013 | Sik, Kedah

*"Pembangunan mampan penentu masa depan semua. Pelihara dan kekalkanlah demi generasi masa hadapan"*



**YB Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng**
P165 | Tanjung Piai, Johor

*"...Kebahagiaan hidup bergantung kepada kualiti hidup yang kita rasai, sudah tentu ia faktor kuat reformasi dalam perjalanan untuk capai kebahagian rakyat di Lembah Pantai..."*



**YB Tuan Ahmad Fahmi Bin Mohamed Fadzil**
P121 | Lembah Pantai, W.P KL

*"...Usaha penglokasian SDG adalah sangat penting untuk memastikan setiap lapisan masyarakat dapat diperkasarkan supaya merekea sendiri menjadi pemangkin untuk komuniti mereka sendiri dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi...."*



**YB Dr. Kelvin Yii Lee Wuen**
P195 | Bandar Kuching, Sarawak

*"...Usahawan terbilang pemangkin ekonomi global..."*



**YB Datuk Zakaria Bin Mohd. Edris**
P184 | Libaran, Sabah

*harapan saya adalah untuk menjadikan dunia tempat yang lebih baik*



**YB Puan Isnaraissah Munirah Bt Majilis**
P169 | Kota Belud, Sabah

*"...Kerangka SDG yang dirangka oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk pastikan kita boleh bina negara yang mampan tanpa perlu risau dalam kompromi dengan sumber hasil negara..."*



**YB Tuan Syed Saddiq Bin Syed Abdul Rahman**
P146 | Muar, Johor

*"...APPGM-SDG telah berjaya memberikan harapan dan lantera penerang masa depan buat warga Simpang Renggam yang ingin melakukan perubahan dalam hidup mereka..."*



**YB Dr. Maszlee Bin Malik**
P151 | Simpang Renggam, Johor

*"...Membantu rakyat tanpa mengira pegangan ideologi masing-masing adalah keutamaan kepada pencinta demokrasi dan kebebasan rakyat jelata..."*



**YB Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir**
P088 | Temerloh, Pahang

*"...Penglokalisasian SDG banyak membantu dan menatijahkan kesan baik dalam aspek sosial dan ekonomi komuniti. Sekaligus ia memberi peluang besar komuniti dalam memakmurkan bumi kurniaan ilahi..."*



**YB Tuan Ahmad Fadhli Bin Shaari**
P022 | Pasir Mas, Kelantan

# BAHAGIAN 2

## LAPORAN AKTIVITI

2021

# 2021 :
# TAHUN PENGUKUHAN PENYETEMPATAN SDG

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Bagi Matlamat Pembangunan Lestari

2021 merupakan tahun kedua bagi APPGM-SDG di mana kita telah mengukuhkan kerja-kerja penyetempatan SDG dengan kehadiran Ahli Parlimen yang telah memainkan peranan secara langsung sebagai "SDG Champion" di peringkat akar umbi Bersama pasukan Sekretariat APPGM-SDG yang sangat aktif terdiri daripada aktivis kumpulan masyarakat sivil (CSO)

Walapun APPGM-SDG menyaksikan banyak perkembangan positif pada tahun 2021, namun ianya bukan tanpa sebarang halangan terutamany , di dalam pelaksanaan gerak kerja di peringkat akar umbi berikutan pandemik Covid-19. Medium komunikasi alternatif melalui Zoom serta semangat daya tahan penduduk tempatan telah membolehkan APPGM-SDG melaksanakan mandat yang telah diberikan.

Melalui analisa akhir yang dibuat, kami menyedari bahawa tempoh 12 bulan bagi pelaksanaan gerak kerja adalah amat mencabar. Kami berjaya melaksanakan gerak kerja hanya selepas empat hingga enam bulan daripada jangkasama 12 bulan yang disasarkan pada awalnya. Kekangan masa tidak menjadikan kami leka  dalam pemantauan kualiti serta pelaksanaan gerak kerja. Kelewatan ini juga telah membolehkan kami untuk menerima realiti sebenar keadaan di dalam tempoh pasca Covid-19.

Lima haluan utama yang dikenalpasti di dalam tahun 2021 adalah seperti berikut dan haluan-haluan ini diketengahkan dengan lebih lanjut oleh pasukan Sekretariat melalui penulisan mereka di dalam Laporan Tahunan ini.

## APPGM-SDG Journey (2020-2021)

**Rajah 1**




* Walaupun bilangan terkumpul adalah 91, rakan pelaksana Projek Solusi yang aktif pada tahun 2021 adalah sebanyak 78 organisasi.

# HALUAN 1

## MEMPERLUASKAN JANGKAUAN: KAWASAN PARLIMEN & PROJEK SOLUSI

APPGM-SDG telah memperluaskan jangkauan kerja daripada 10 kawasan parlimen pada tahun 2020 kepada 20 lagi kawasan parlimen baharu pada tahun 2021 dan menjadikan jumlah keseluruhan adalah 30 kawasan parlimen pada akhir tahun 2021. Daripada 30 ahli parlimen yang terlibat ini, 13 adalah daripada parti kerajaan dan 17 adalah daripada parti pembangkang.

APPGM-SDG adalah kumpulan bi-partisan dan usaha kolektif yang mempunyai initiatif dalam menangani kebimbangan di peringkat akar umbi melalui mandat SDG di peringkat global yang merupakan agenda Sosio-ekonomi dan alam sekitar yang menekankan agenda berkecuali dari campur tangan politik untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

Kita telah berjaya melaksanakan semua aktiviti pemetaan isu dan mengenalpasti keutamaan isu, serta projek-Projek Solusi di peringkat akar umbi di 20 kawasan parlimen pada tahun 2021.

Tulisan oleh Dr. Teo Sue Ann adalah mengenai pemetaan isu-isu (halaman 30) memberikan butiran mengenai aktiviti pemetaan dan pengutamaan isu di peringkat akar umbi. Penerangan tentang metodologi yang digunapakai juga dimasukkan di dalam penulisan ini di samping penemuan daripada hasil kajian yang digunapakai bagi menentukan jenis Projek Solusi yang akan dijalankan serta mengenalpasti isu-isu dasar melalui aktiviti penganalisasian situasi.

En. James Raj memberi penerangan dengan lebih terperinci berkenaan projek-Projek Solusi mikro SDG yang dilaksanakan di peringkat akar umbi (halaman 37). 2021 telah menyaksikan 87 Projek Solusi yang telah diluluskan. Walaupun peruntukan adalah kecil bagi pelaksanaan projek-projek solusi ini, namun begitu, pemantauan dan penilaian yang telah dibuat menunjukkan bahawa projek-projek ini memberi impak yang cukup tinggi kepada peserta.

Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli dan pasukan beliau yang terdiri daripada ahli-ahli akademik termasuk ahli Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM) dan MySDG Academic Network telah untuk menyemak dan menilai projek-Projek Solusi yang dijalankan pada tahun 2021 dan membuat kesimpulan lanjut mengenai prestasinya.

Dr. Lin Mui Kiang daripada PROHAM memainkan peranan bersama dengan Sekretariat APPGM-SDG di dalam menyemak kertas-kertas cadangan projek-Projek Solusi yang dihantar oleh rakan-rakan pelaksana tempatan untuk mendapatkan kelulusan lanjut daripada Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG (halaman 37 ).

## HALUAN 2

### KAMI TELAH MEMBERI PENEKANAN TERHADAP KEBIMBANGAN DASAR MELALUI METODOLOGI BERASASKAN GROUNDED RESEARCH

Terdapat penerangan terperinci mengenai 11 kebimbangan dasar yang telah dikenalpasti melalui kajian lapangan yang dibuat pada tahun 2020 dan 2021 oleh En. Alizan Mahadi daripda ISIS Malaysia. Analisa-analisa dasar ini dilakukan melalui metodologi berasaskan penyelidikan yang mengumpulkan suara-suara daripada peringkat akar umbi ke proses advokasi dasar. (halaman 33 – 36)

Dalam memberi penekanan terhadap kebimbangan tempatan, pihak APPGM-SDG berusaha untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan dan seterusnya kebimbangan-kebimbangan berkait jantina juga diambil kira. Kita telah mendapatkan komitmen daripada Puan Omna Sreeni Ong untuk memberikan input dan sokongan di dalam pemetaan isu-isu tempatan, Projek Solusi serta advokasi dasar menggunapakai lensa kesaksamaan jantina.

## HALUAN 3

### KAMI TELAH MEMPERKUKUHKAN PENGLIBATAN BERSAMA PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN

Penglibatan bersama dengan pihak-pihak berkepentingan dapat dilihat melalui enam peringkat berbeza termasuklah nasional, tempatan dan global.

**Ahli-ahli Parlimen:** Penglibatan ahli-ahli parlimen dilakukan melalui Jawatankuasa APPGM-SDG serta lawatan tapak dan perbincangan serta perjumpaan dengan ahli-ahli parlimen termasuklah YDP Tan Sri Speaker Dewan Rakyat dan kakitangan parlimen. Terdapat senarai penuh semua ahli parlimen yang dilampirkan bersama di dalam laporan ini termasuklah ucapan-ucapan pendek daripada mereka mengenai gerak kerja APPGM-SDG dan SDG secara umumnya. (halaman 10-11, 14 -24)

**Kerajaan:** APPGM-SDG aktif di dalam perbincangan bersama YB Menteri dan kakitangan Unit Perancang Ekonomi (Jabatan Perdana Menteri). Penyediaan Laporan Sukarela Kebangsaan ("Voluntary National Report - VNR") yang dijalankan pada seawal bulan Februari 2021 adalah satu proses yang cukup telus dan menarik. Sepanjang tahun 2021, pihak kami telah menyediakan kemaskini kerja kepada pihak EPU.

Untuk tahun kedua iaitu 2021, pihak APPGM-SDG telah berjaya memperoleh geran daripada Kementerian Kewangan Malaysia. Pada tahun 2020 kita telah memperoleh sebanyak RM 1.6 juta dan RM 5 juta pada tahun 2021.

**Komuniti Tempatan:** Lawatan tapak yang dijalankan bagi mengenalpasti isu-isu dan pelaksanaan projek-projek solusi membolehkan APPGM-SDG mendapatkan pendedahan secara langsung berkenaan realiti yang dihadapi oleh masyarakat.

**Rakan Pelaksana Projek:** Salah satu penemuan penting di peringkat akar umbi adalah peranan rakan kongsi pelaksana projek. Menjelang tahun 2021, kita telah mengenalpasti 78 rakan pelaksana projek. Maklumat lanjut berkenaan rakan-rakan pelaksana projek ini diterangkan dengan lebih lanjut di dalam tulisan En. James Raj (halaman 38). Sesi pemantauan bulanan yang dijalankan telah mengukuhkan lagi

mandat yang diberikan kepada mereka di samping memberi ruang kepada mereka untuk berkongsi tentang cabaran serta pengalaman-pengalaman menarik yang dilalui.

**Belia:** Keutamaan terhadap peranan para belia diberi fokus yang mendalam kerana mereka adalah pelapis utama bagi menjayakan agenda SDG pada masa hadapan. Cik Zoel Ng memberikan butiran lanjut mengenai program-program yang dijalankan yang melibatkan belia pada tahun 2021 (halaman 42)

**Komuniti Global:** Forum Politik Peringkat Tertinggi (High Level Political Forum - HLPF) yang diadakan pada Julai 2021 telah menyediakan banyak peluang terutamanya apabila kesemua sesi yang dijalankan adalah secara maya. Terdapat penerangan terperinci berkenaan semua mesyuarat persediaan dan acara sampingan yang kami anjurkan di dalam penulisan Puan Nur Rahmah Othman (halaman 48 & 49).

## HALUAN 4

### KAMI MENGHADAPI CABARAN DI DALAM PELAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI

Antara salah satu cabaran yang dihadapi oleh APPGM-SDG adalah di dalam pelaksanaan Program Pembangunan Kapasiti bagi penjawat awam di peringkat daerah. Kita menghadapi sedikit cabaran untuk mendapatkan peserta dari kalangan penjawat awam (daripada agensi persekutuan, negeri & tempatan) di peringkat daerah.

APPGM-SDG mengenalpasti antara sebab utama kepada situasi ini adalah berikutan sekatan yang dikenakan semasa Pandemik Covid-19 bagi dijalankan Program Pembangunan Kapasiti ini secara fizikal. Selain itu, cabaran yang lebih mendalam adalah kesukaran untuk mendapatkan kelulusan bagi menjalankan program ini kerana terdapat banyak lapisan di dalam membuat keputusan di dalam struktur kerajaan persekutan, negeri dan tempatan.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2021, Sekretariat APPGM-SDG melalui usaha Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Sanusi telah menyediakan modul dan bahan latihan di dalam bahasa Malaysia yang cukup baik bagi kegunaan peserta Program Pembangunan Kapasiti yang dijalankan. Belia dan pasukannya juga telah menjalankan dua Program Pembangunan Kapasiti di peringkat daerah (halaman 43). Kami akan cuba untuk menambah baik di dalam proses pelaksanaan Program Pembangunan Kapasiti ini pada tahun 2021.

Disamping itu, Sekretariat APPGM-SDG juga telah menjalankan latihan yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan tempatan yang dibiayai oleh UNDP yang bertajuk Membina Komuniti Inklusif di tiga daerah iaitu Petaling Jaya, Gombak dan Kuala Selangor (halaman 44 & 45)

## HALUAN 5

### KAMI MEMPERKASAKAN PASUKAN SEKRETARIAT APPGM-SDG

Pihak APPGM-SDG telah menambah pekerja Sekretariat daripada dua kakitangan sepenuh masa pada tahun 2020 ke 10 pada tahun 2021 (halaman 96). Walau bagaimanapun , peranan utama turut dimainkan oleh ahli-ahli daripada Malaysian CSO SDG Alliance daripada pelbagai latar belakang dan kapasiti untuk mengukuhkan lagi penyelidikan dan penyampaian aktiviti-aktiviti APPGM-SDG (halaman 97).

Akauntabiliti kewangan dan prosedur membuat keputusan diterangkan oleh Encik Anthony Tan di dalam penulisannya (halaman 51 & 52). Kami mempunyai pelbagi peringkat membuat keputusan yang menyediakan semak dan imbang yang berkesan kepada pengurusan sumber. Laporan kewangan dan aktiviti bulanan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dan Parlimen Malaysia untuk semakan.

Penglibatan ahli-ahli parlimen di dalam Jawatankuasa APPGM-SDG amat menggalakkan (halaman 9). YB Dato Sri Rohani Abdul Karim selaku Pengerusi dan YB Puan Maria Chin Abdullah selaku timbalan telah berkhidmat secara aktif di peringkat nasional dan global di dalam mempromosikan SDG.

# METODOLOGI PENYELIDIKAN BAGI PENYETEMPATAN SDG

Kaedah penyelidikan untuk penyetempatan SDG oleh APPGM-SDG terdiri daripada empat skop kerja utama - Pemetaan isu, Pengutamaan is, Analisa Situasi dan Pengenalpastian Penyelesaian. Berpegang kepada prinsis SDG iatu "Tiada Sesiapa Ketinggalan", kaedah-kaedah yang digunapakai bertujuan untuk mepraktikkan keterangkuman sepenuhnya dan memerlukan penyertaan daripada semua pihak berkepentingan.

Pihak-pihak berkepentingan termasuklah ahli-ahli parlimen di kawasan masing-masing, ADUN, masyarakat akar umbi terutamanya yang terpinggir dan hidup di dalam kemiskinan, NGO tempatan dan agensi-agensi kerajaan di peringkat negeri dan daerah. Penyetempatan SDG bermula dengan pemetaan isu-isu sosial, ekonomi dan alam sekitar di setiap kawasan parlimen.

Dalam proses ini, kami menjemput pihak berkepentingan untuk memberikan pendapat mereka berdasarkan pengalaman dan kepakaran mereka tentang isu-isu di dalam tiga tema utama tersebut - sosial, ekonomi dan alam sekitar. Penulisan dibawah memberi gambaran lebih jelas berkenaan setiap skop kaedah penyelidikan yang digunapakai. Disamping itu, beberapa tema utama isu yang dikenalpasti di 20 kawasan parlimen juga dikongsikan bersama.

**Rajah 2: Gambaran Keseluruhan Penyetempatan SDG oleh APPGM-SDG**



## PEMETAAN ISU

Di peringkat permulaan, pihak Sekretariat APPGM-SDG mendapatkan profil mengenai kawasan parlimen yang akan dilawati daripada ahli-ahli parlimen. Kita mengadakan perjumpaan bersama Ahli Parlimen untuk membincangkan isu berkait sosial, ekonomi, dan alam sekitar di kawasan masing-masing. Pemprofilan kawasan parlimen telah memberi konteks awal isu-isu yang berkenaan sebelum pasukan penyelidik APPGM-SDG meneruskan lawatan tapak selama tiga hari di kawasan parlimen. Ianya juga menyediakan garis panduan yang cukup penting bagi merancang tentatif program dan aktiviti semasa lawatan tapak.

Lawatan tapak selama tiga hari bermula apabila pasukan penyelidik memperoleh pengetahuan empirikal tentang isu sosial, ekonomi dan alam sekitar daripada masyarakat tempatan dan agensi kerajaan negeri dan daerah. Semasa lawatan tapak ini, pasukan penyelidik mengadakan perbincangan-perbincangan kumpulan berfokus dan temubual dengan komuniti yang berkisarkan tentang isu-isu sosial, ekonomi dan alam sekitar yang mendesak yang mereka hadapi di kawasan mereka. Pada hari ketiga, kita menjemput pegawai-pegawai agensi kerajaan di peringkat negeri dan daerah untuk membincangkan isu-isu terkait 3 skop utama seperti di atas.

Proses pemetaan isu pada tahun 2021 menghadapi cabaran yang cukup besar berikutan Covid-19. Sebagai contoh, banyak perbincangan dengan pihak berkepentingan, seperti ahli-ahli parlimen, komuniti dan agensi kerajaan terpaksa dijalankan secara atas talian. Selain itu, sekatan pergerakan juga telah menghalang kami daripada menjalankan penyelidikan lanjut di peringkat akar umbi selepas lawatan tapak tiga hari dijalankan. Walaupun terpaksa menempuhi pelbagai cabaran semasa pandemik Covi-19, APPGM-SDG telah berjaya sepenuhnya mengenal pasti isu-isu mendesak di 20 kawasan parlimen yang terlibat. Namun yang begitu, tidak dinafikan bahawa hasil penemuan daripada kajian yang dijalankan tidaklah lengkap sepenuhnya, tetapi isu-isu ini sangat penting untuk memberi gambaran isu-isu mendesak yang memerlukan penyelesaian. Berikut adalah senarai tarikh lawatan tapak bagi 20 kawasan parlimen pada tahun 2021

**Jadual 1: Tarikh Lawatan Tapak APPGM-SDG 2021**

| No. | Parlimen | Tarikh Lawatan Tapak |
|---|---|---|
| 1. | Kubang Pasu | 26 - 28 Mac 2021 |
| 2. | Sik | 26 - 28 Feb 2021 |
| 3. | Baling | 23 - 25 Apr 2021 |
| 4. | Batu Kawan | 26 - 28 Apr 2021 |
| 5. | Permatang Pauh | 2 - 4 Apr 2021 |
| 6. | Ipoh Barat | 8 - 10 Apr 2021 |
| 7. | Kuala Selangor | 11, 12 & 21 Apr 2021 |
| 8. | Lembah Pantai | 30, 31, 1 Apr 2021 |
| 9. | Temerloh | 24 - 26 Okt 2021 |
| 10. | Indera Mahkota | 17 - 20 Apr 2021 |
| 11. | Muar | 1 - 3 Mei 2021 |
| 12. | Simpang Renggam | 8 - 10 Apr 2021 |
| 13. | Pasir Mas | 4 - 6 Apr 2021 |
| 14. | Tumpat | 26 - 28 Nov 2021 |

| | | |
|---|---|---|
| **15.** | Kota Belud | 25 - 27 Mac 2021 |
| **16.** | Libaran | 9 - 11 Apr 2021 |
| **17.** | Tawau | 7 - 9 Okt 2021 |
| **18.** | Selangau | 28 Okt - 2 Nov 2021 |
| **19.** | Hulu Rajang | 10 - 14 Nov 2021 |
| **20.** | Batang Lupar | 5 - 7 Apr 2021 |

## PENGUTAMAAN ISU

Fasa penyelidikan seterusnya adalah pengutamaan isu-isu. Ahli Parlimen dijemput untuk bermesyuarat bagi pihak penyelidik APPGM-SDG membentangkan isu-isu yang telah dikenalpasti dan membuat pengutamaan isu-isu bersama-sama ahli parlimen berkenaan bagi penyelidikan lanjut pada tahun tersebut. Selepas membuat pengutamaan isu-isu bagi 20 kawasan parlimen yang terlibat, pihak APPGM-SDG mengkategorikan isu yang telah diutamakan kepada beberapa kumpulan tematik. Berikut adalah 11 tema yang telah dikenalpasti oleh penyelidik bagi tahun 2021.

## ANALISA SITUASI

Berdasarkan isu tematik yang dikenalpasti, penyelidik APPGM-SDG meneruskan analisa situasi untuk mengenalpasti faktor-faktor penyumbang bagi 11 isu tematik tersebut. Analisa situasi mengandungi hasil penyelidikan lanjut ke dalam konteks dasar atau mekanisma tematik dan memberi penjelasan lanjut penyebab isu-isu tematik. Ia bertujuan untuk menganlisa bagaimana dan mengapa isu-isu tersebut berlaku. Pihak penyelidik juga membuat perbandingan isu tematik ini antara 20 kawasan parlimen yang terlibat. Rajah berikut menunjukkan rangka kerja bagi analisa situasi.

**Rajah 3: Analisa Situasi Penyelidikan APPGM-SDG (2021)**



# ISU-ISU TEMATIK YANG DIDAPATI DARIPADA KAWASAN PARLIMEN

## 11 Isu Tematik di 20 Kawasan Parlimen & SDGs yang Berkaitan (2021)

**Jadual 2: Isu Tematik (2021)**

| No. | Isu Tematik | Lokasi | SDG |
|---|---|---|---|
| 1. | **Pemerkasaan Belia, Pekerjaan & Dadah**<br><br>Kebimbangan penglibatan belia di dalam kancah dadah merupakan isu berbangkit di kebanyakan kawasan parlimen. Terdapat petunjuk bahawa isu ini berkait dengan isu pengganguran dalam kalangan belia. Kebanyakan input yang diterima menyatakan bahawa tahap pengganguran adalah sangat tinggi dalam kalangan belia. Mereka yang mempunyai diploma atau ijazah sukar untuk memadankan ilmu yang dipelajari dengan industri. Tidak kurang juga input yang diberikan menyatakan bahawa terdapat keberangkalian tinggi untuk kes keciciran dalam kalangan belia di kawasan-kawasan mereka. Walaupun sebahagian daripada belia ini berminat dengan kemahiran khusus, namun tiada program dan latihan kemahiran yang disediankan untuk mereka. | Kubang Pasu, Ipoh Barat, Kuala Selangor, Lembah Pantai, Muar, Simpang Renggam, Pasir Mas, Kota Belud, Libaran | SDG2, SDG3, SDG4, SDG11, SDG16, dan SDG17 |
| 2. | **Keselamatan Makanan & Rantaian Bekalan Agromakanan**<br><br>• Pembangunan infrastruktur di sekitar tanah pertanian telah mengganggu pengairan semula jadi air di atas tanah. Penyelenggaraan pengairan yang lemah menyebabkan hakisan tebing pengairan, seterusnya menghalang aliran air ke sawah. Seterusnya mengakibatkan keadaan banjir kilat yang teruk pada musim hujan atau kemarau<br><br>• Akibat kenaikan harga baja dan racun perosak, petani mengalami kerugian pendapatan. Walaupun kekurangan strategi pemasaran untuk tanaman mereka, ada yang percaya bahawa mereka diekspoloitasi oleh pihak pertengahan untuk menjual hasil tanaman mereka yang menyebabkan mereka kehilangan pendapatan. Sesetngah komuniti pengusaha tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran merasakan mereka tidak diberi insentif walaupun pengeluaran sampai di tahap 90%. Beberapa pesawah mengetengahkan isu kelewatan pengagihan anak benih padi oleh NAFAS seterusnya menjejaskan hasil pengeluaran mereka.<br><br>• Para nelayan menyatakan kebimbangan mereka tentang kemerosotan stok dan tangkapan ikan. Hal ini seterusnya menyebabkan wujudnya banyak teknik penangkapan ikan yang tidak lestari, seperti pukat tunda yang merosakkan ekosistem marin. Pengorekan tanah pasir oleh sekurang-kurangnya 30 kapal di sepanjang Selat Melaka menyebabkan hakisan pantai yang teruk. Mendapan di muara sungai menjejaskan laluan nelayan dan juga mendatangkan bahaya kepada mereka. Mereka juga menyatakan bahawa penguatkuasaaan maritim terhadap aktiviti pukat tunda haram adalah sangat rendah. | Sik, Baling, Batu Kawan, Permatang Pauh, Lembah Pantai, Simpang Renggam, Kota Belud, Libaran, Batang Lupar | SDG1, SDG2, SDG3, SDG8, SDG9, SDG10, SDG12, SDG16, dan SDG17 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Kebajikan & Hak Ibu Tunggal & Pengarusperdanaan Jantina**<br>• Kebanyakan ibu tunggal yang ditemui mempunyai pencapaian pendidikan yang rendah dan kebanyakan mereka berminat dan terlibat di dalam perusahaan perniagaan kecil-kecilan. Walaubagaimanapun, hanya sedikit yang mempunyai dana dan kemahiran yang mencukupi untuk menceburi bidang perniagaan.<br>• Kekurangan sokongan daripada kerajaan juga menghalang sesetengah daripada ibu tunggal bekerja sebagai pekerja formal di sektor swasta. Akibatnya, ramai ibu tunggal bekerja dengan gaji rendah, kerja sementara untuk waktu kerja yang fleksibel bagi menyesuaikan penjagaan anak dan kerja rumah. Selain itu, sokongan yang diperlukan oleh ibu tunggal bukan sahaja dari segi kewangan, penjagaan anak dan sumber-sumber, namun ramai daripada mereka memerlukan penjagaan kesihatan mental oleh kerana kebanyak mereka hidup dalam keadaan tertekan.<br>• Ibu-ibu tunggal bukan sahaja janda, tetapi tidak mendapat sebarang sokongan dan bantuan kebajikan daripada kerajaan. Ibu-ibu yang tidak berkahwin dan mempunyai anak-anak tanpa kerakyatan menghadapi masa yang sukar berikutan anak-anak mereka tidak dapat bersekolah di sekolah kerajaan. | Ipoh Barat, Permatang Pauh, Kuala Selangor, Lembah Pantai, Muar, Pasir Mas, Kota Belud, Libaran | SDG1, SDG2, SDG3, SDG5, SDG8, SDG10, SDG16, dan SDG17 |
| 4. | **Kemiskinan & Pembangunan Tidak Seimbang (Infrastruktur dan Kesalinghubungan Digital)**<br>Komuniti luar bandar mempunyai akses yang rendah kepada penjagaan kesihatan, kekurangan air bersih dan akses internet yang rendah. Keadaan jalan raya yang buruk seterusnya menghalang mobiliti masyarakat. Oleh kerana keadaan kemiskinan yang teruk, masyarakat yang tinggal di kawasan luar bandar sering tidak mempunyai dana kecemasan. | Baling, Kuala Selangor, Lembah Pantai, Simpang Renggam, Pasir Mas, Kota Belud, Libaran, Batang Lupar | SDG7, SDG9, SDG11, SDG13, SDG16, and SDG17 |
| 5. | **Tadbir Urus Alam Sekitar (Pencemaran, Konflik Manusia-Hidupan Liar, Tadbir Urus Lautan & Sungai Serta Pengurusan Sisa)**<br>• Kekurangan kaedah inovatif untuk membendung pencemaran oleh sisa makanan-pertanian seperti pembakaran terbuka sekam padi yang menyebabkan pencemaran udara.<br>• Konflik manusia dan hidupan liar seterusnya menimbulkan tekanan kepada petani akibat tanaman yang rosak, dan penduduk kampung sering diganggu oleh monyet yang memecah masuk ke dalam rumah mereka.<br>• Masyarakat yang tinggal di estet hidup dengan kekurangan bekalan air bersih. | Permatang Pauh, Kuala Selangor, Muar, Indera Mahkota, Kota Belud, Libaran | SDG3, SDG6, SDG7, SDG9, SDG10, SDG11, SDG12, SDG13, SDG14, SDG15, SDG16, dan SDG17 |
| 6. | **Perlindungan Sosial, Keselamatan dan Kebajikan Sosial**<br>• Kebergantungan yang tinggi kepada bantuan daripada kerajaan dan ahli politik. Kekurangan program latihan kemahiran dan penglibatan inovatif dengan kumpulan B40 yang boleh membantu keadaan sosio-ekonomi mereka untuk jangka panjang. | Baling, Ipoh Barat, Lembah Pantai, Muar, Pasir Mas, Indera Mahkota | SDG1, SDG2, SDG3, SDG4, SDG5, SDG8, SDG10, SDG16 dan SDG17 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | • Kebanyakan kumpualn B40 (termasuk masyarakat Cina dan India, petani, warga emas, orang kurang upaya dan ibu tunggal) memberi gambaran jelas terhadap tahap kesukaran untuk meemohon bantuan kebajikan kerajaan. Ada yang mendakwa, campur tangan politik dalam penyampaian bantuan kebajikan adalah cara yang berkesan untuk mereka mendapatkan lebih banyak bantuan dan makanan. Namun begitu, ada juga mendakwa wujudnya diskriminasi dalam penyampaian bantuan kebajikan kerana campur tangan politik.<br>• Kemudahan pekerjaan, bantuan kewangan dan kerjasama antara agensi memerlukan sistem data yang kukuh untuk menyokong mereka. Kekurangan sistem data pusat menyebablkan banyak sumber, bakat dan maklumat tidak sepadan. | | |
| **7.** | **Pemilikan Tanah, Keselamatan & Penempatan**<br>• Isu berkisar pemilikan tanah adalah luas dan pelbagai. Sesetengah komuniti tidak bersetuju dengan pemilik tanah dan kekal di tanah milik persendirian. Rumah mereka selalunya dalam keadaan rosak tanpa bekalan air bersih dan elektrik.<br>• Beberapa komuniti telah dipindahkan ke lokasi baharu dengan persetujuan pemilikan tanah. Walau bagaimanapun, sesetengah perjanjian tidak dipenuhi sebetulnya dan mereka kekal sebagai setinggan yang tinggal di tanah yang dijanjikan untuk diberi pemilikan kepada mereka. Semasa berpindah ke penempatan baru, masyarakat mengalami kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan. Keadaan hidup yang miskin sering dikaitkan dengan masalah sosial lain seperti kadar keciciran yang tinggi dalam kalangan murid dan pelajar sekolah, dadah dan pengganguran. | Sik, Kubang Pasu, Ipoh Barat, Batu Kawan, Indera Mahkota | SDG1, SDG10, SDG10, SDG16, dan SDG17 |
| **8.** | **Pengurusan Bencana (Banjir) dan Perubahan Iklim**<br>• Banjir kilat akibat kecuaian rancangan pembangunan di kawasan tersebut menjejaskan masyarakat yang tinggal di pinggir bandar. Penduduk kampung mendakwa banjir kilat menjadi lebih kerapa dengan pembinaan bangunan baharu di sekeliling kampung mereka.<br>• Banjir kilat juga menjadi salah satu punca utama permasalahan bagi sesetengah petani yang mana banjir merosakkan tanaman mereka. | Kubang Pasu, Ipoh Barat, Batu Kawan | SDG9, SDG10, SDG11, SDG13, SDG16, dan SDG17 |
| **9.** | **Hak Pelarian, Migran dan Individu Tanpa Kewarganegaraan**<br>• Kanak-kanak tanpa kewarganegaraan disebabkan oleh perkahwinan ibu bapa mereka yang tidak didaftarkan, menyebabkan mereka dilucutkan hak kewarganegaraan asas untuk pendidikan dan pekerjaan. Disebabkan kekurangan dokumen kewarganegaraan rasmi seperti kad pengenalan, mereka tidak boleh mendapatkan sebarang bentuk lesen dan akaun, seterusnya menghalang mobiliti sosial mereka. Walaupun mereka dilahirkan di Malaysia, individu tanpa kewarganegaraan tidak berhak mendapat perlindungan sosial dan penjagaan kesihatan awam.<br>• Pelarian di Malaysia dinafikan hak asasi manusia untuk pendidikan dan pekerjaan. Mereka dihalang daripada sebarang mata pencarian. Akibatnya, ramai daripada mereka bekerja sebagai pekerja tidak formal. Mereka cenderung terdedah kepada eksploitasi oleh majikan sebagai pekerja tidak formal. Keganasan rumah tangga juga berleluasa dan mangsa tidak mempunyai tempat untuk mendapatkan bantuan. | Kubang Pasu, Batu Kawan, Simpang Renggam | SDG1, SDG2, SDG3, SDG4, SDG5, SDG10, SDG11, SDG16, dan SDG17 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10. | **Pelancongan Lestari**<br>• Terdapat tapak warisan di Kuala Selangor yang berpotensi untuk industri pelancongan, yang belum diterokai. Kekurangan penyelenggaraan tempat itu mengurangkan nilai sejarahnya.<br>• Sekatan pergerakan berikutan Pandemik Covid-19 telah memberi eksan kepada banyak industri pelancongan tempatan, seperti kediaman tinggal di kawasan luar bandar. Memandangkan industri pelancongan tempatan ini sebahagian besarnya terdiri daripada pemilik perniagaan kecil tempatan, ramai daripada mereka bergelut untuk meneruskan perniagaan mereka.<br>• Oleh kerana kekurangan strategi pemasaran dan publisit, banyak produk pelancongan tempatan masih belum ditemui. | Kuala Selangor, Indera Mahkota, Batang Lupar | SDG9, SDG11, SDG16, dan SDG17 |
| 11. | **Rumah Mampu Milik dan Kemiskinan Bandar**<br>• Penyelenggaraan flat PPR yang kurang baik telah menyebabkan beberapa isu lain seperti kebersihan, penjagaan kemudahan dan keselamatan penduduk. Alasan utamanya ialah penduduk selalunya terdiri daripada kumpulan B40, dan mereka tidak dapat membayar yuran penyelenggaraan.<br>• Kesesakan sering menjadi isu kepada warga PPR. Sesetengah unit mempunyai lebih daripada dua isi rumah, termasuk generasi kedua dan ketiga. Di luar unit, ketiadaan ruang awam seperti ruang rekreasi untuk belia dan warga emas serta tempat letak kereta penduduk menyebabkan tekanan mental. | Batu Kawan, Lembah Pantai | SDG1, SDG10, SDG11, SDG16, dan SDG17 |



# PENYERTAAN AKAR UMBI MELALUI PENYETEMPATAN SDG

**Projek Solusi mikro SDG sebagai cara untuk memobilisasi komuniti di peringkat akar umbi**

APPGM-SDG telah menggalas tugas besar di dalam menggerakkan komuniti di peringkat akar umbi bagi kesan dan perubahan lestari dengan melibatkan rakan pelaksana Projek Solusi tempatan untuk melaksanakan projek mikro SDG. Dari tahun 2020 hingga 2021, Jawatankuasa APPGM-SDG telah meluluskan 121 Projek Solusi yang dilaksanakan oleh rakan pelaksana projek di 30 kawasan parlimen seperti di dalam jadual 3 dibawah:

**Jadual 3: Jumlah Projek Solusi (2020 & 2021)**

| Fasa Projek | Jumlah Kawasan Parlimen | Jumlah Projek Solusi Yang Diluluskan |
|---|---|---|
| 2020 | 10 | 34 |
| 2021 | 20 | 87 |
| **Jumlah** | **30** | **121** |

Projek Solusi APPGM-SDG direka untuk menangani isu dan cabaran tempatan yang telah dikenalpasti semasa proses pemetaan isu di kawasan parlimen. Perbincangan telah diadakan dengan pejabat Ahli Parlimen, agensi kerajaan, NGO, ketua masyarakat dan masyarakat-masyarakat setempat. Ini merupakan pendekatan dari bawah ke atas dengan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan untuk memahami permasalahan di peringkat akar umbi.

Disebabkan kelewatan berikutan Pandemik Covid-19, kesemua 87 Projek Solusi mikro tahun 2021 telah siap pada bulan September 2022.

**Rakan Pelaksana Projek Solusi sebagai Agen Perubahan di Peringkat Akar Umbi**

87 projek telah dilaksanakan oleh 78 rakan pelaksana projek. Projek-projek ini memberi tumpuan kepada tiga tema utama iaitu Ekonomi, Alam Sekitar dan Sosial.

**Rajah 4: Rakan Pelaksana Projek Solusi APPGM-SDG (2021)**




Rakan pelaksana Projek Solusi memainkan peranan penting dalam penyetempatan SDG di peringkat akar umbi bersama-sama Ahli-ahli Parlimen di kawasan parlimen masing-masing. 51% atau 40 daripada rakan pelaksana projek adalah organisasi berasaskan masyarakat dan rakan pelaksana terbesar yang lain adalah berasaskan perusahaan (berdaftar SSM) iaitu sebanyak 24% atau 19 organisasi. Perusahaan ini pada awalnya bermula dengan misi untuk meyampaikan objektif pembangunan sosial kepada komuniti terpinggir dan akhirnya mempunyai fokus untuk menjadi perusahaan sosial. 11 universiti tempatan atau 14% daripada 78 rakan pelaksana Projek Solusi telah memulakan "live labs" di peringkat akar umbi. Yayasan (4%) iaitu 3 organisasi, dan 3 perusahaan sosial (4%) masing-masing telah berganding bahu dengan APPGM-SDG sebagai jaguh tempatan kami di dalam usaha penyetempatan SDG.

Rakan pelaksana Projek Solusi ini adalah jaguh tempatan di dalam melaksanakan mandat SDG. Mereka melaksanakan projek untuk menangani isu dan keperluan tempatan, memastikan kumpulan terpinggir dilibatkan di dalam pelaksanaan projek bagi memastikan tiada sesiapa ketinggalan. Selain itu, mereka juga melatih dan membimbing masyarakat setempat untuk membina kepercayaan, keyakinan dan perubahan minda bagi mewujudkan semangat pemilikan dan perkongsian di dalam menangani isu-isu tempatan.

**Pemantauan Teliti Untuk Memastikan Impak dan Kelestarian**

Rakan pelaksana Projek Solusi mempunyai masa kira-kira 2-5 bulan dengan peruntukan sebanyak RM 20,000 hingga maksimum RM 40,000 untuk menjalankan Projek Solusi SDG. Projek kami telah mencapai 100% keberjayaan dalam menjalankan projek di peringkat akar umbi. Ini kerana APPGM-SDG mempunyai sistem pemantauan bulanan dimana rakan pelaksana projek diwajibkan untuk menghadiri mesyuarat untuk membincangkan tahap kemajuan projek masing-masing.

APPGM-SDG juga mengambil peluang untuk menyediakan sokongan bersama di dalam aspek pengurusan projek. Mesyuarat pemantauan bulanan juga merupakan sesi pembangunan kapasiti. Pasukan penyelesaian APPGM-SDG akan memberikan panduan dan memberi motivasi kepada rakan pelaksana untuk menjalankan Projek Solusi dengan baik di dalam garis masa yang telah ditetapkan.

Oleh itu, selain daripada memastikan Projek Solusi disiapkan sepenuhnya, APPGM-SDG juga mengukur impak projek-projek yang dijalankan melalui tahap peningkatan pendapatan dan tingkah laku, kesedaran pemilikan projek, perpaduan sosial, mobiliti sosial dan kelestarian projek. Pasukan penyelesaian APPGM-SDG juga melawat rakan-rakan pelaksana dari semasa ke semasa di tapak projek untuk bertemu dengan peserta projek dan memastikan penyertaan aktif peserta di dalam projek yang dijalankan.

**Pengajaran daripada Amalan-amalan Terbaik**

Walaupun berjaya melaksanakan Projek Solusi, beberapa cabaran juga dihadapi oleh rakan pelaksana projek. Ini adalah semasa Pandemik Covid-19 dan perintah kawalan pergerakan berterusan dimana rakan pelaksana projek diminta untuk menjaga keselamatan diri dan mencari alternatif serta pendekatan inovatif di dalam menjalankan Projek Solusi dengan kumpulan sasaran di peringkat akar umbi.

Dengan usaha bersepadu antara pasukan APPGM-SDG dan rakan pelaksana tempatan, kami berjaya menyiapkan 60%-70% daripada projek keseluruhan dalam jangka masa yang ditetapkan dan masa lanjutan diberikan kepada rakan pelaksana untuk beberapa projek lagi untuk mencapai 100% penyiapan projek.

Kita melihat penyertaan aktif di dalam penyetempatan SDG di peringkat akar umbi oleh Ahli Parlimen bersama-sama rakan pelaksana Projek Solusi serta masyarakat setempat. Projek-projek mikro SDG ini telah membolehkan suara dari bawah di bawah ke peringkat lebih tinggi. Projek projek ini juga telah menjadi alat bagi membina kapasiti rakan pelaksana projek dan peserta projek untuk mengambil tanggungjawab penuh terhadap pembangunan komuniti.

Di dalam usaha yang dijalankan, kita mendapati peranan wanita lebih aktif dalam menggerakkan masyarakat bagi perubahan sosial di peringkat akar umbi. Impak di peringkat akar umbi adalah luar biasa kerana pendekatan pemantaun dan proses bimbingan dari pihak sekretariat yang telah membina kepercayaan dan hubungan yang kukuh dengan rakan pelaksana Projek Solusi kami serta peserta projek. Usaha dan pencapaian yang dicapai pada tahun 2020 dan 2021 telah menggalakkan pasukan APPGM-SDG, rakan pelaksana, komuniti tempatan dan ahli-ahli parlimen untuk terus mengukuhkan usaha di dalam penyetempatan SDG. APPGM-SDG bermatlamat untuk menggalakkan lebih ramai ahli parlimen bergabung tenaga dalam menggerakkan masyarakat akar umbi ke arah perubahan dengan mengambil pendekatan seluruh negara untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

# PEMANTAUAN & PENILAIAN

Program APPGM-SDG mempunyai 4 fasa pelaksanaan iaitu pemetaan isu, pengenalpastian projek penyelesain & pelaksanaan Projek Solusi, dan pemantauan & penilaian impak yang akan melengkapkan penulisan laporan akhir. Pemantauan dan Penilaian (P&P) adalah di fasa 3 bagi menilai impak projek yang dijalankan terhadap organisasi dan peserta projek.

Tema penyetempatan SDG dengan tumpuan Jantina telah dibangunkan bersama-sama dengan program pembangunan kapasiti P&P iaitu sebuah projek yang dimulai oleh Institut Pengajian Malaysia & Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan dibiayai oleh Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM). Pasukan penilai ini diketuai ioleh Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli dan Prof. Dr. Sity Daud.

Penilaian telah dijalankan ke atas 34 Projek Solusi yang dilaksanakan pada 2020 di 10 kawasan parlimen yang terlibat. Penilaian projek separuh penggal juga telah dijalankan dari Oktober 2020 sehingga Februari 2021 sebelum penilaian penuh dijalankan.

Antara objektif proses P&P adalah untuk membangunkam Modul P&P dengan fokus jantina, menjalankan program pembangunan kapasiti bagi para penilai dan untuk menilai Projek Solusi yang dijalankan. Proses penilaian projek telah dijalankan oleh 18 penilai daripada pelbagai latar belakang, kepakaran, universiti dan organisasi seperti jadual 4 di bawah:

**Jadual 4 – Penilai dan Afiliasi**

| Penilai | Tahap Akademik | | Afiliasi | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | PHD | Master | Universiti | Kolej | Institut | Perunding |
| 18 | 11 | 7 | 14 | 1 | 2 | 1 |

Jadual 4 memberikan maklumat lanjut berkenaan para penilai dimana daripada 18 penilai, 11 daripadanya adalah pemegang PHD (61%) dan 7 adalah pemegang Sarjana (39%). 14 penilai adalah daripada Universiti tempatan (78%), 1 penilai adalah daripada kolej (5.6%), 2 penilai daripada institut (11%) dan 1 penilai adalah daripada firma perundingan (5.6%).

Para penilai telah menjalani program latihan intensif sebelum proses penilaian dijalankan. Mereka bermula dengan meniliti kertas-kertas cadangan projek dan laporan bulanan yang ditulis oleh rakan pelaksana projek. Penilai memberi fokus kepada 4 fasa utama iaitu P&P, Reka Bentuk, Perancangan, Pelaksanaan dan, Impak. Dengan menggunapakai lensa jantina dan sensitiviti berdasarkan kesaksamaan dan keadilan jantina secara substantif, ianya telah memberikan nilai yang lebih tinggi kepada laporan penilaian. Tambahan pula, penilai juga membuat rujukan kepada rangka kerja pengukuhan bukti (Valorization of Evidence) berdasarkan ketersediaan, kebolehcapaian dan kebolehgunaan projek yang dijalankan.

Kaedah penilaian projek adalah berdasarkan 4 elemen utama seperti yang diterangkan di dalam Rajah 5.

**Rajah 5**




Berdasarkan elemen di atas yang digunakan sebagai rangka kerja proses penilaian, beberapa pemerhatian utama daripada 34 laporan yang dikemukakan oleh penilai P&P adalah:

**Reka Bentuk**

Kebanyakan projek mempunyai penjajaran yang baik antara objektif dan hasil. Penilai membuat penilaian ini dengan membandingkan cadangan bertulis dan jawapan yang diberikan oleh rakan pelaksana projek di dalam temubual yang dijalankan bersama mereka.

Lebih 95% menyatakan dengan jelas fokus SDG yang sedang mereka usahakan. Semua rakan pelaksana mengetahui SDG tertentu yang dikaitkan dengan projek mereka. Manakala, 5% lagi tidak menyatakan SDG secara khusus di dalam penyampaian Projek Solusi yang mereka jalankan.

**Perancangan**

- Pandemik Covid-19 telah menyebabkan sedikit gangguan di dalam perancangan dan pelaksanaan projek. Kesemua projek sepatutnya dapat disiapkan pada Disember 2022. Walaubagaimanapun, berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), 28 projek terpaksa dilanjutkan lebih daripada 5 bulan selepas tarikh akhir yang ditetapkan. Hanya 6 projek telah disiapkan semasa PKP.
- Kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan amat diperlukan untuk menggerakkan sesuatu usaha. Oleh yang demikian, rakan pelaksana projek perlu mengetahui dan mengenalpasti pihak-pihak berkepentingan yang dapat bekerjasama dengan mereka di dalam proses pelaksanaan projek.

**Pelaksanaan**

- Pada peringkat penilaian projek, kebanyakan projek mencapai 70% siap dengan 98% projek memenuhi objektif perancangan asal dan kumpulan sasaran.
- Kebolehcapaian program untuk kebanyakan peserta bukanlah satu isu yang besar.
- Cabaran yang dihadapi adalah masa perjalanan ke lokasi program dan kehilangan pendapatan pada hari program dijalankan.

**Kesan**

- Projek dengan kadar penyiapan lebih daripada 70% telah mencapai hasil sasaran mereka.
- Cabaran utama adalah isu perhubungan di kawasan luar bandar seperti Pensiangan dan Jeli.
- Petunjuk Hasil: Pekerjaan yang diperoleh oleh peserta projek yang membawa ke arah perubahan dalam kesejahteraan kehidupan.
- Penjualan cendawan dan batik membawa kepada perubahan di dalam aspek pendapatan isi rumah.

**Fokus Jantina**

- Jantina dilihat sebagai isu silang di dalam kesemua 4 elemen P&P.
- Untuk kohort pertama ini, tumpuan jantina hanya dapat dilihat di dalam projek yang memberi fokus kepada isu wanita seperti kesihatan, pendidikan undang-undang, dan masakan.
- Projek yang berkaitan dengan Orang (People : 1 of 5 P of SDGs) mempunyai lebih pertimbangan jantina.
- Wanita dilihat sebagai ketua rumah (SP 34), oleh yang demikian, mempunyai kapasiti membuat keputusan.
- Petunjuk Kesaksamaan Jantina: Peratusan wanita di dalam jawatankuasa, jumlah peserta wanita dan pengasingan data.

# PEMBANGUNAN BELIA DI DALAM *SDG*

Sidang Kemuncak SDG Belia Malaysia adalah satu inisiatif APPGM-SDG dan Perikatan CSO SDG Malaysia. Sidang kemuncak ini bertujuan untuk menyediakan platfrom yang berharga untuk:

- Mencari cara baharu untuk menggerakkan, memperkasa dan memberi inspirasi kepada golongan muda untuk mengambil tindakan ke arah penyetempatan;

- Membolehkan advokator SDG dalam kalangan belia Malaysia meluaskan jaringan rangkaian dan bertemu dengan belia-belia lain yang berfikiran yang sama seperti mereka

Sidang Kemuncak SDG Belia Malaysia yang pertama telah diadakan pada 6 November 2021 dengan sokongan 30 organisasi berasaskan belia. Sidang kemuncak ini dianjurkan bersama dengan Pusat Serantau Kepakaran (RCE) dan disokong oleh Penyelaras Residen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Malaysia, Brunei dan Singapura, dengan lebih 900 belia dari negara-negara berbeza telah mendaftar untuk sidang kemuncak ini.



Selain daripada Sidang Kemuncak SDG Belia Malaysia ini, APPGM-SDG juga mengambil bahagian secara aktif di dalam pelbagai persidangan dan program yang dianjurkan oleh rakan pelaksana kami untuk meningkatkan kesedaran tentang SDG dalam kalangan belia.

# PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI SDG

## (DENGAN KERJASAMA PUSAT SEJAHTERA, UIA)

Kami telah membina modul latihan pembangunan kapasiti dan buku panduan SDG dalan bahasa Malaysia dengan kerjasama Pusat Sejahtera Centre, IIUM yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Sanusi, dimana ianya mempunyai empat bahagian utama:

- Bahagian 1: Pengenalan kepada SDG
- Bahagian 2: Tadbir Urus & Pengurusan SDG di Malaysia
- Bahagian 3: Penglibatan Komuniti untuk SDG
- Bahagian 4: Kajian Kes berkaitan SDG

Satu sesi program pembangunan kapasiti yang dijalankan di setiap kawasan parlimen adalah selama satu hari ianya adalah berdasarkan komunikasi dua hala, kerja berkumupulan, perbincangan serta pembentangan. Buku panduan SDG telah digunakan oleh peserta sepanjang sesi program pembangunan kapasiti ini berlangsung.

Program Pembangunan Kapasiti APPGM-SDG disasarkan di 30 kawasan Parlimen yang terlibat dengan gerak kerja APPGM-SDG pada tahun 2020 dan 2021 dengan objektif berikut:

- Meningkatkan kefahaman penjawat awam dan wakil masyarakat di peringkat daerah mengenai SDG dan proses Pelan Pembangunan Negara (Rancangan Malaysia).

- Mengenalpasti peranan dan fungsi pihak berkepentingan daripada perspektif SDG yang bersepadu dan menyeluruh untuk mengatasi permasalahan silo antara agensi kerajaan persekutuan, negeri, daerah dan tempatan dengan cara memupuk kerjasama dalam kalangan pihak-pihak berkepentingan (penjawat awam, ahli parlimen, wakil masyarakat) dan serta meningkatkan tahap penglibatan masyarakat dalam perancangan dan pemantauan pelan pembangunan setempat.

- Mengukuhkan SDG 17 yang memberi penekanan terhadap Perkongsian terhadap SDG

Namun yang begitu, pasukan yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Sanusi telah menghadapi kesukaran dalam menjalankan program pembangunan kapasiti di 30 kawasan parlimen yang disasarkan pada tahun 2021. Daripada 30 kawasan parlimen, APPGM-SDG hanya mampu menjalankan program pembangunan kapasiti di dua kawasan parlimen pada 2021 berikutan beberapa faktor yang menyumbang seperti pandemik Covid-19, perintah kawalan pergerakan (PKP), dan kesukaran untuk mendapatkan peserta dalam kalangan penjawat awam di peringkat daerah. Jadual 5 memberikan maklumat lanjut berkenaan kawasan parlimen yang telah dijalankan program pembangunan kapasiti pada tahun 2021.

**Jadual 5:**
**Senarai Kawasan Parlimen Yang Telah Selesai Program Pembangunan Kapasiti Tahun 2021**

| No. | kawasan Parlimen | Tarikh Program | Bil. Peserta |
|---|---|---|---|
| **1.** | Batu Kawan | 15 November 2021 | 27 |
| **2.** | Permatang Pauh | 16 November 2021 | 27 |

Kebanyakan peserta bersetuju bahawa program ini telah membantu meningkatkan kesedaran mereka. APPGM-SDG akan berusaha dengan lebih baik untuk menyiapkan pelaksanaan program pembangunan kapasiti ini di kawasan-kawasan parlimen yang belum dilaksanakan, menggunakan strategi berbeza dan akan cuba mendapatkan lebih banyak sokongan daripada kerajaan persekutuan dan negeri dari semasa ke semasa.

# PROGRAM LATIHAN MEMBINA KOMUNITI KOMUNITI INKLUSIF

## (DENGAN KERJASAMA UNDP)

APPGM-SDG telah dijemput oleh UNDP untuk membangunkan satu modul latihan mengenai "Membina Komuniti Inklusif" berdasarkan prinsip SDG iaitu "Tiada Sesiapa Ketinggalan". Objektif modul ini adalah selaras dengan agenda pembangunan inklusif serta Agenda Kemakmuran Bersama yang telah digunapakai oleh kerajaan Malaysia.

Modul latihan ini bertujuan untuk membina kapasiti penjawat awam di peringkat daerah dan tempatan serta pemimpin masyarakat setempat. Di dalam membangunkan modul latihan ini, APPGM-SDG telah diminta untuk menjalankan ujian rintis di tiga daerah iaitu Petaling (Bandar), daerah Gombak (Separa Bandar), dan Daerah Kuala Selangor (Luar Bandar).

Di dalam proses penyediaan modul latihan dan ujian rintis, APPGM-SDG telah menubuhkan satu kumpulan pelbagai pihak berkepentingan yang terdiri daripada wakil pelbagai agensi kerajaan seperti Unit Perancang Ekonomi, Jabatan perangkaan, INTAN, SEPADU, Kementerian Pembangunan Wanita & Keluarga, Kementerian Perpaduan Negara dan wail-wakil lain seperti ahli parlimen, NGO/CSO dan ahli akedemik bagi mendapatkan maklum balas serta sokongan mereka terhadap program ini.

Program latihan ini dibina di atas tema "Tiada Sesiapa Ketinggalan" dan ianya adalah mengenai pemerkasaan individu, keluarga dan masyarakat yang mungkin merasakan mereka tidak mendapat akses yang bagus di dalam aspek perkhidmatan kerajaan atau organisasi sukarela. Tugas utama sebelum program latihan ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti kumpulan yang berasa tersisih dan memastikan mereka termasuk di dalam Agenda Pembangunan Malaysia.

Objektif program latihan ini adalah untuk mengarusperdanakan nilai-nilai perpaduan sosial seperti kepelbagaian dan keterangkuman ke dalam aktiviti sehari-harian kerajaan dan kumpulan masyarakat sivil.

Program latihan ini telah dijalankan di tiga lokasi perintis seperti di dalam jadual 6 di bawah.

**Jadual 6: Program Latihan Membina Komuniti Inklusif di Tiga Lokasi Perintis**

| No. | Lokasi | Tarikh | Tempat | Bil. Peserta |
|---|---|---|---|---|
| **1.** | Daerah Petaling | 1 & 2 Disember 2021 | Armada Hotel | 36 |
| **2.** | Daerah Gombak | 6 & 7 Disember 2021 | Mercure Hotel | 35 |
| **3.** | Daerah Kuala Selangor | 13 & 14 Disember 2021 | Pusat Latihan & Khidmat Masyarakat UKM, Tanjung Karang | 26 |

Kami juga telah mengumpulkan tinjauan pra dan pasca untuk meninjau pemahaman perserta dan menilai keberkesanan program latihan yang dijalankan. Perjumpaan susulan dengan peserta akan dijalankan di tiga lokasi tersebut bagi menilai usaha dan komitmen yang telah dibuat oleh peserta serta cabaran yang mereka perlu hadapi di dalam usaha membina komuniti yang inklusif di kawasan mereka.

# PENYEDIAAN LAPORAN SUKARELA KEBANGSAAN 2021

(VOLUNTARY NATIONALREVIEW REPORT - VNR 2021))

Sekretariat APPGM-SDG dan Perikatan CSO SDG Malaysia telah mengambil bahagian dan menyumbang secara aktif dalam memberikan input kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE) sebagai input CSO kepada penyediaan Laporan Sukarela Kebangsaan (Voluntary National Report - VNR) yang dibentangkan oleh kerajaan Malaysia di Forum Politik Peringkat Tertinggi pada Julai 2021 di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Sehubungan dengan itu, APPGM-SDG telah menubuhkan lima kumpulan kerja mengenai Kemiskinan & Pemakanan (Kumpulan Kerja 1; SDG 1 &2), Covid-19 & Pemulihan Kesihatan (Kumpulan Kerja 2; SDG 3), Pertumbuhan Ekonomi Inklusif (Kumpulan Kerja 3; SDG 8, 10), Kelestarian & Perubahan Iklim (Kumpulan Kerja 4; SDG 12 & 13), dan Tadbir Urus, Perpaduan & Perkongsian Sosial (Kumpulan Keerja 5; SDG 16 & 17).

Lima kumpulan kerja ini kemudiannya menghasilkan laporan yang mempunyai lebih kuran 154 muka surat keseluruhannya. Usaha ini merupakan satu usaha yang cukup signifikan oleh rakan-rakan CSO dan NGO. Ianya adalah usaha bersama 62 orang yang telah mengambil bahagian di dalam 5 kumpulan kerja tersebut.

Laporan ringkasan daripada pelaporan kumpulan-kumpulan kerja telah ditulis oleh Encik Ahmad Afandi (pegawai penyelidik APPGM-SDG). Beliau telah diminta untuk meringkas kan tema utama laporan ini yang berkaitan dengan kemajuan dan pencapaian; juran dan cabaran dan juga cadangan lanjut. [3]

Jadual 7 memberikan maklumat berkenaan senarai mesyuarat dan program yang telah dijalankan bagi penyediaan input kepada VNR 2021 yang dianjurkan oleh pihak UPE dan Sekretariat APPGM-SDG.

**Table 7: Mesyuarat & Acara penyediaan VNR**

| No. | Mesyuarat | Penganjur | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Penyediaan VNR 2021: Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Teknikal | EPU | 2 Feb 2021 |
| 2. | Penyediaan VNR 2021: Libat Urus Awam | EPU | 8 Feb 2021 |
| 3. | Penyediaan VNR 2021: Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu | EPU | 5 Feb 2021 |
| 4. | Penyediaan VNR 2021: Mesyuarat Fasilitator & Pelapor APPGM-SDG | APPGM-SDG | 5 Feb 2021 |
| 5. | Penyediaan VNR 2021: Mesyuarat Keseluruhan Fasilitator & Pelapor APPGM-SDG | APPGM-SDG | 1 Mac 2021 |
| 6. | Penyediaan VNR 2021: Pengutamaan Isu & tema utama bersama Fasilitator dan Pelapor APPGM-SDG | APPGM-SDG | 12 Mac 2021 |
| 7. | Penyediaan VNR 2021: Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Teknikal kali ke-2 | EPU | 5 Mei 2021 |
| 8. | Penyediaan VNR 2021: Mesyuarat bersama Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG | APPGM-SDG | 5 Mei 2021 |
| 9. | Penyediaan VNR 2021: Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu kali ke-2 | EPU | 7 Mei 2021 |
| 10. | Penyediaan VNR 2021: Perbincangan Susulan | EPU | 20 Mei 2021 |
| 11. | Penyediaan VNR 2021: Input Lanjut Daripada CSO/NGO | APPGM-SDG | 21 Mei 2021 |
| 12. | Forum mengenai VNR Ke-2 Malaysia | APPGM-SDG / MASA Institute | 22 & 23 Julai 2022 |

[3] https://kasi.asia/wp-content/uploads/2022/01/APPGM-SDG-CSO-SDG-Alliance-Submission-To-Malaysias-2nd-VNR-On-SDG-2021.pdf

# FORUM ASIA-PACIFIC MENGENAI PEMBANGUNAN LESTARI

Pada tahun 2021, APPGM-SDG telah mengambil bahagian secara aktif di dalam Asia Pacific Forum On Sustainable Development (APFSD) yang merupakan forum persediaan tahunan kepada High Level Political Forum (HLPF). Forum ini telah diadakan dari 23 - 26 Mac 2021 secara hibrid dengan tema “Pemulihan Lestari & Berdaya Tahan Daripada Pandemik Covid-19 di Asia dan Pasifik”.

Semasa APFSD ini berlangsung, APPGM-SDG telah menganjurkan acara sampingan (Side Event) bersama-sama pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE) sebagai penaja rasmi. Acara sampingan ini bertujuan untuk dijadikan sebagai satu platform perkongsian berkenaan pengalaman APPGM-SDG sebagai satu moodel untuk penyetempatan SDG. Selain itu, ianya juga untuk mempamerkan prospek kebolehbarangkalian proses pelbagai pihak yang melibatkan penyertaan daripada sektor politik, kerajaan, CSO, para akademik dan komuniti tempatan. Dengan menggunapakai model seperti APPGM-SDG, matlamat utamanya adalah untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan dan bagi memangkin proses pelaksanaan di pelbagai peringkat termasuk peringkat tempatan dan nasional.

Terdapat dua sesi panel penceramah yang diwakili oleh beberapa penceramah berkaliber tinggi yang telah menyumbang penuh terhadap perbincangan di dalam acara sampingan ini. Acara sampingan ini telah dirasmikan oleh YB Dato’ Sri Mustapa Mohamed dan diikuti dengan panel pertama yang bertemakan “Perkongsian Berkenaan Pengalaman APPGM-SDG”. Panel ini dikendalikan oleh Prof. Dato’ Dr. Rashila Ramli dan barisan penceramah adalah YB Dato Sri Rohani Abdul Karim (Pengerusi APPGM-SDG), Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria (ketua Sekretariat APPGM-SDG), dan YBrs. Datuk Dr. Zunika Mohamed (Timbalan Ketua Pengarah (Makro), EPU).

Panek kedua adalah bertemakan “APPGM-SDG Sebagai Satu Model Di Dalam Penyemtempatan SDG” dan barisan penceramah adalah terdiri daripada YB Puan Maria Chin Abdullah (Timbalan Pengerusi APPGM-SDG), En. Alizan Mahadi (ISIS Malaysia), Dr. Lin Mui Kiang (Ketua Solusi, APPGM-SDG), dan Cik Firdaus Nisha (Rakan Pelaksana Projek Solusi APPGM-SDG). Panel ini telah dikendalikan dengan jayanya oleh Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Sanusi.

Platform sebegini merupakan satu peluang yang baik untuk mempamerkan pengalaman APPGM-SDG kepada orang ramai terutamanya dari negara Asia yang lain yang telah mengambil bahagian dalam acara sampingan yang telah dianjurkan itu.

# FORUM POLITIK PERINGKAT TERTINGGI MENGENAI SDG (2021)

(High-level Political Forum - Sustainable Development Goals - HLPF-SDG 2021)

Forum Politik Peringkat Tertinggi (HLPF) telah diadakan secara atas talian pada 6-15 Julai 2021 bagi tujuan meneliti kemajuan SDG melalui Laporan Sukarela Kebangsaan (VNR) daripada negara-negara anggota dalam mencapai SDG. Malaysia adalah salah satu daripada 42 negera yang membentangkan VNR untuk tahun 2021. Ini merupakan pembentangan VNR kedua oleh kerajaan Malaysia di mana yang pertamanya adalah pada tahun 2017.

Dua Majlis Bandaraya di Malaysia iaitu Subang Jaya dan Shah Alam turut menghantar Laporan Sukarela Tempatan (VLR) dan membentangkan di dalam acara sampingan HLPF yang dianjurkan.

SDG yang diteliti pada tahun 2021 adalah SDG 1 (tiada kemiskinan), SDG 2 (sifar kelaparan), SDG 3 (kesihatan & kesejahteraan), SDG 8 (pekerjaan yang baik & pertumbuhan ekonomi), SDG 10 (pengurangan ketidaksamaan), SDG 12 (pengeluaran dan penggunaan yang bertanggungjawab), SDG 13 (tindakan iklim), SDG 16 (keamanan, keadilan & institusi yang kukuh) dan SDG 17 (perkongsian & penglibatan pelbagai pihak berkepentingan).

Kemuncak penyertaan Malaysia di HLPF 2021 adalah semasa pembentangan VNR kedua Malaysia oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed (Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) pada 15 Julai 2021 pada jam 9.00 malam - 1.00 pagi (waktu Malaysia) dan diikuti dengan bacaan Kenyataan CSO Malaysia yang merupakan kenyataan bersama oleh CSO di Malaysia. Kenyataan ini telah dibacakan oleh Pn. Nur Rahmah Othman dan diterima baik oleh YB Menteri Dato' Sri Mustapa Mohamed.

Kenyataan CSO ini adalah inisiatif daripada NGO Major Group dan APRCEM di mana mereka telah menjemput Perikatan SDG CSO Malaysia untuk menjadi sebahagian daripada proses tersebut. Kenyataan ini merupakan kenyataan bersama beberapa organisasi masyarakat sivil Malaysia termasuk antaranya, Majlis Kanser Negara, ARROW, Warisan-Tink, dan Pertubuhan Belia Asean. En. Anthony Tan dan Pn. Nur Rahmah Othman turut menyumbang di dalam proses penggubalan kenyataan itu. Penyelarasan penggubalan kenyataan ini dikendalikan oleh Cik Jyotsna Mohan daripada Asia Development Alliance (ADA).

Selain daripada pembentangan VNR, Malaysia juga terlibat secara aktif dalam beberapa acara sampingan. Terdapat lima acara sampingan yang Malaysia telah sertai seperti di dala jadual 8 di bawah:

**Jadual 8: Acara Sampingan di HLPF 2021**

| No. | Mesyuarat | Tarikh/Masa | Peserta |
|---|---|---|---|
| **1.** | *SDG 16+ (Side Event) by ADA* | Julai 7th, 2021<br>7.30 pm - 9.00 pm<br>(Waktu Malaysia) | YB Puan Maria Chin Abdullah<br><br>Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria (Moderator) |
| **2.** | *Inclusive VNRs (Side Event) - Government of Norway* | Julai 8th, 2021<br>7.30 pm - 9.00 pm<br>(Waktu Malaysia) | YBs. Dr. Zunika Mohamed &<br><br>Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria |
| **3.** | *Overcoming Inequalities Through the Covid-19 Recovery (Side Event)* | Julai 8th, 2021<br>7.30 pm - 9.00 pm<br>(Waktu Malaysia) | Mrs. Norliza Hashim (Urbanice Malaysia) |
| **4.** | *SDG 17 (Side Event)* | Julai 9th, 2021<br>7.30 pm - 9.00 pm<br>(Waktu Malaysia) | YB Tuan William Leong Jee Keen & Mr. Anthony Tan Kee Huat,<br>Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria (Moderator) |
| **5.** | *Role of Parliamentarian on SDGs Implementation (Side Event)* | Julai 12th, 2021<br>7.30 pm - 9.00 pm<br>(Waktu Malaysia) | YB Dato' Sri Hajah Rohani Abdul Karim |
| **6.** | *Malaysia Presenting 2nd VNR Report* | Julai 15th, 2021<br>9.00 pm - 1.00 am<br>(Waktu Malaysia) | YB Dato' Sri Mustapa Mohamed |
| **7.** | *Malaysia's CSO Statement* | Julai 15th, 2021<br>9.00 pm - 1.00 am<br>(Waktu Malaysia) | Mrs. Nur Rahmah Othman |
| **8.** | *National People's Scorecard Review* | Julai 8th, 2021 | APPGM-SDG Secretariat |

# KAD SKOR SDG

Perikatan CSO SDG Malaysia telah dijemput oleh Action for Sustainable Development (Action4SD) untuk mengambil bahagian di dalam proses Kad Skor Rakyat (People's Score Card) bagi tahun 2021. Proses ini menyediakan platform yang amat berharga untuk CSO menyediakan analisis mereka di peringkat nasional dan kemudiannya membandingkan data yang dikumpul dengan negara-negara lain di seluruh dunia.

Input yang dikemukakan di dalam penyediaan VNR Malaysia oleh Sekretariat APPGM-SDG dan Perikatan SDG CSO Malaysia juga digunapakai di dalam proses penyediaan Kad Skor Rakyat ini. Kami telah menganjurkan tiga perbincangan kumpulan berfokus yang mempunyai sasaran tematik tambahan dalam kalangan orang asli, orang kurang upaya dan wanita.

Kita telah menjemput wakil-wakil pemimpin utama CSO dan NGO untuk tiga kumpulan fokus dan menjadi sebahagian daripada pasukan kolektif dalam melaksanakan penilaian kad skor rakyat ini. Terdapat beberapa individu yang lain juga telah membantu dalam melaksanakan penilaian kad skor terhadap 17 SDG dan 10 kategori yang merupakan metodologi yang diperkenalkan oleh Action4SD.

Kemudianya, hasil daripada perbincangan kumpulan berfokus dan penilaian-penilaian yang dibuat, satu laporan CSO Kebangsaan mengenai Kad Skor Rakyat 2021 telah diterbitkan sebagai satu usaha kerjasama oleh 15 pemimpin utama CSO dan ahli akademik di Malaysia. Laporan ini dibahagikan kepada tiga bahagian dengan bahagian 1 memberikan gambaran umum mengenai pelaksanaan SDG di Malaysia, bahagian 2 adalah ringkasan penilaian kad skor bagi 17 SDG, bahagian 3 adalah mengenai dapatan perbincangan kumpulan berfokus. Ini merupakan input CSO Malaysia kepada Kad Skor Rakyat yang dilancarkan pada 8 Julai 2021 di dalam salah satu acara sampingan yang dianjurkan semasa HLPF.

Laporan ini juga telah dimuatnaik di atas talian oleh penganjur dan juga telah dimuatnaik dan disediakan melalui laman web Institut Strategik KSI.[4]

# PARLIAMENTARIANS FOR GLOBAL GOALS (PFGG)

Parliamentarians for Global Goals (PfGG) berfungsi untuk menyokong ahli-ahli parlimen dan APPG-SDGs di dalam advokasi dan pelaksanaan SDG mereka. Pada masa ini, lebih 100 ahli parlimen terlibat daripada 40 buah negara.

Sekretariat APPGM-SDG telah bertemu dengan Puan Kirsten Brosbol iaitu Pengasas Parliamentarians for Global Goals pada 29 April 2021 untuk membincangkan kemungkinan kerjasama antara APPGM-SDG dan mereka di dalam menyediakan lebih banyak sokongan untuk menintengrasikan ahli-ahli parlimen daripada Malaysia dengan platform perbicangan di peringkat global.

Pihak APPGM-SDG juga telah dijemput dan mengambil bahagian dalam beberapa acara anjuran PfGG:

- Third P4R Virtual Networking Days: The Role of Parliaments in SDG accountability (May 20th, 2021) - Dato Sri Hajah Rohani Abdul Karim merupakan salah seorang speaker
- SDG Chairs Forum (November 11th, 2021)- Dato Sri Hajah Rohani Abdul Karim merupakan salah seorang speaker

[4] https://kasi.asia/wp-content/uploads/2022/01/Malaysia-CSO-SDG-Alliance_Submission-to-Peoples-Scorecard-Process-Assessing-National-Delivery-of-the-2030-Agenda_July_2021.

# NOTA KEWANGAN TAHUN 2021

Kewangan boleh ditakrifkan sebagai satu proses yang sedikit membosankan di dalam operasi am sesuatu projek yang biasanya tidak disedari selagi pembayaran berjadual berjalan tepat pada masanya.

